

Pembangunan Prototaip: Peluasan Makna Kata Pinjaman Bahasa Arab dalam Bahasa Melayu

Indirawati Zahid^{1*}, Noorazlin Abu Bakar¹, Wan Zailan Kamaruddin Wan Ali² dan Mohammad Fadzeli Jaafar³

¹Jabatan Bahasa Melayu, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia

²Jabatan Akidah & Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia

³Pusat Kajian Bahasa dan Linguistik, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

ABSTRAK

Tiada kajian mengenai perubahan semantik yang bertujuan membina prototaip kata pinjaman walaupun banyak kajian telah dilakukan dalam pelbagai bahasa. Oleh itu, kajian ini bertujuan membina prototaip perubahan semantik kata pinjaman Arab, berfokus kepada peluasan maknanya dalam bahasa Melayu. Kajian ini menggunakan metodologi analisis perbandingan kualitatif (QCA) yang dimulakan dengan persoalan kajian bahawa terdapat pola peluasan makna kata pinjaman Arab dalam bahasa Melayu. Untuk menjawabnya, kata pinjaman Arab berlabel dan tidak berlabel Ar, diekstrak daripada *Kamus Dewan Perdana* (KDP) dan kemudian dirujuk silang dengan kamus bahasa Arab, *al-Mu'jam al-Wasit* (MW) bagi mengabsahkan etimologi dan mendapatkan makna perkataan tersebut. Sebagai langkah awal untuk membina prototaip, kata pinjaman Arab yang diekstrak ialah perkataan dengan entri A dan B sahaja. Hasil daripada QCA mendapati bahawa daripada 588 kata pinjaman Arab yang ditemui daripada entri A dan B, hanya 32 yang melalui proses

peluasan makna. Peluasan makna ini dapat dibahagikan kepada dua jenis: empat pola takrifan umum dan sepuluh pola takrifan spesifik. Empat belas pola ini menjana dua rumus, iaitu superset dan komplemen relatif. Superset merujuk kepada makna kata pinjaman Arab dalam bahasa Melayu yang diperluaskan, manakala komplemen relatif merujuk kepada kewujudan set unsur makna yang berbeza dalam bahasa Arab. Prototaip ini akan membentuk rumus untuk makna

ARTICLE INFO

Article history:

Received: 13 September 2023

Accepted: 18 December 2023

Published: 05 February 2024

DOI: <https://doi.org/10.47836/pjssh.32.S1.03>

E-mail addresses:

indirawati@um.edu.my (Indirawati Zahid)

noorazlin@um.edu.my (Noorazlin Abu Bakar)

wzk_ali@um.edu.my (Wan Zailan Kamaruddin Wan Ali)

fadzeli@ukm.edu.my (Mohammad Fadzeli Jaafar)

* Corresponding author

kata pinjaman dalam bahasa Melayu dan mungkin dapat digunakan untuk menganalisis kata pinjaman dalam bahasa lain juga.

Kata kunci: Bahasa Arab, bahasa Melayu, kata pinjaman, peluasan makna, perubahan semantik, prototaip

Prototype Development: The Semantic Extension of Arabic Loanwords in the Malay Language

ABSTRACT

No studies on semantic change aim to develop a prototype of a loanword, even though many studies have been done in various languages. This study aims to develop a prototype of the semantic change of Arabic loanwords, focusing on extending their meaning in Malay. This study employed qualitative comparative analysis (QCA) methodology, which begins with a research question: There are patterns of extending the meaning of Arabic loanwords in Malay. To answer this, Arabic loanwords with labels and unlabelled with Ar were extracted from the Kamus Dewan Perdana (KDP) and then cross-referenced with the Arabic dictionary, al-Mu'jam al-Wasit (MW) to verify the etymology and to get the meaning of the word. As an initial step to develop a prototype, only the Arabic loanwords of entries A and B were extracted. Results from QCA revealed that of 588 Arabic loanwords found from entries A and B, only 32 underwent the process of semantic extension. This semantic extension can be divided into four patterns of general definitions and ten patterns of specific definitions. These 14 patterns generate two formulas, namely superset and relative complement. The superset refers to the meaning of Arabic loanwords being extended in the Malay language in contrast, the relative complement refers to different sets of meaning elements in Arabic. This prototype would provide a formula for the meaning of loanwords in Malay and could be applied to analyse loanwords in other languages.

Keywords: Arabic language, loanword, Malay language, prototype, semantic change, semantic extension

PENGENALAN

Peminjaman kata ialah kata yang diadaptasi daripada sesuatu bahasa (bahasa sumber) dan dimasukkan dalam sesuatu bahasa yang lain (bahasa penerima). Peminjaman kata merupakan perkara yang lazim berlaku dalam semua bahasa di dunia (Hoffer, 2002; Khrisat & Mohamed, 2014; Millar, 2015; Treffers-Daller, 2010; Vervaet, 2017).

Penyataan ini sekali gus mengesahkan bahawa bahasa Melayu (BM) tidak terkecuali dalam melakukan peminjaman kata. Peminjaman kata bertitik tolak daripada pertembungan bahasa. Situasi ini bermaksud penutur daripada bahasa yang berbeza berhubungan rapat dalam kehidupan seharian dan akhirnya akan saling mempengaruhi bahasa dan dialek

yang dituturkan dengan mengimport item linguistik daripada bahasa yang lain ke dalam bahasanya sendiri (Brown & Miller, 2013; Crystal, 2008; Haspelmath, 2009; Hoffer, 2002; Zaidan et al., 2015).

Terdapat banyak faktor yang mempengaruhi peminjaman kata dalam sesuatu bahasa. Dalam konteks peminjaman kata bahasa Arab (BA) dalam BM, faktor peminjaman antara lainnya berkaitan rapat dengan fungsi bahasa sumber yang dirujuk, mobiliti penutur dan lokasi bahasa penerima. Oleh itu BA dalam konteks ini berfungsi sebagai bahasa penyebaran agama Islam di Kepulauan Melayu (Jones, 2008; Julul et al., 2019; Mansor, 2010; Musling, 2021; Versteegh, 2001), pergaulan antara peniaga Arab dengan orang Melayu (Watson-Andaya & Andaya, 1982) dan kedudukan Semenanjung Tanah Melayu yang secara geografinya terletak di tengah-tengah laluan air yang sangat strategik dan penting untuk kedua-dua arah global, iaitu ke timur melalui Selat Melaka, ke barat melalui Lautan Hindi, ke arah selatan melalui Laut China Selatan yang mengelilingi Malaysia (Abas et al., 2021).

Peminjaman kata seringkali melalui proses adaptasi yang tertentu. Ini dibuktikan dalam banyak kajian yang menemukan bahawa tidak semua peminjaman kata berlaku secara bebas (Mohana, 2012). Proses modifikasi berlaku semasa peminjaman kata dalam bahasa penerima sama ada pada aras fonologi mencakupi morfologi dan semantikanya. Pada aras fonologi, Crawford (2009) menyatakan bahawa bahasa penerima akan menerima sesuatu

kata tersebut tanpa melakukan perubahan sekiranya mempunyai kesamaan fonemik dengan bahasa sumber manakala sekiranya tidak ada, elemen ini akan digantikan dengan fonem yang sama dalam inventori bahasa penerima. Sementara itu, pada aras semantik, perubahan makna merujuk kepada adaptasi budaya bahasa penerima (Almarwaey & Ahmad, 2021; Hassan, 2016). Pernyataan ini bermaksud bahawa budaya sebagai konteks dapat memberikan makna setempat yang khusus kepada sesuatu kata dengan menambahkan makna konotatif kepada makna denotatif kata yang berkenaan (Hassan, 2016; Liddicoat, 2009;).

Sehubungan dengan pernyataan tersebut, analisis yang dilakukan akan berfokus kepada peluasan makna kata pinjaman BA ke dalam BM. Peluasan makna merujuk kepada makna yang lebih umum (Fromkin et al., 2011; Harley, 2006) berbanding dengan makna yang digunakan sebelum ini. Dalam konteks analisis peminjaman kata ini, peluasan makna merujuk kepada makna yang lebih umum dalam bahasa penerima berbanding dengan makna asal dalam bahasa sumber. Bertitik tolak daripada pernyataan ini, iaitu adaptasi yang berlaku dalam bahasa penerima, kajian ini mempunyai objektif untuk membina prototaip peluasan makna kata pinjaman BA dalam bahasa Melayu.

SOROTAN KAJIAN

Penyelidikan peminjaman kata BA dalam bahasa-bahasa di dunia agak banyak dilakukan, iaitu mencakupi proses fonologi, morfologi dan semantik. Walau bagaimanapun, selaras dengan penyelidikan

yang dilakukan, sorotan ini berfokus pada perubahan semantik peminjaman kata BA sahaja. Oleh sebab kajian ini berfokus pada peminjaman kata BA dalam BM, sorotan ini membincangkan kajian yang paling awal ditemukan, iaitu pada tahun 2002 hingga 2021. Dalam konteks ini, bahasa Indonesia dan bahasa Minang dianggap sebagai dua bahasa yang berbeza walaupun kedua-duanya dikategorikan dalam keluarga bahasa yang sama. Ini kerana setiap satu bahasa tersebut mempunyai sistem nahu yang tersendiri yang sama sekali berbeza antara satu sama lain. Sementara itu, kajian peminjaman kata BA dalam bahasa lain juga dibincangkan bertujuan memperlihatkan trend kajian dan sekali gus jurang penyelidikan yang berlaku.

Kajian Peminjaman Kata BA dalam BM

Kajian peminjaman kata BA dalam BM dilakukan oleh Jumingan dan Hasbullah (2002), Mansor (2002), Jumingan (2005, 2011), Yusoff (2006), Mansor (2010), Abdullah et al. (2011), Jalaluddin et al. (2012), Toklubok @Hajimaming dan Mezah (2013), Abas et al. (2019, 2021), Sarudin (2019) dan Musling (2021).

Jumingan dan Hasbullah (2002), Mansor (2002) dan Jumingan (2005, 2011) memperlihatkan skop kajian yang hampir sama, iaitu ketepatan makna peminjaman kata BA dalam BM. Kata pinjaman BA diekstrak daripada *Kamus Dewan* dalam pelbagai edisi yang berbeza dan analisis perbandingan takrifan dengan kamus BA dilakukan terutamanya dalam *al-*

Mu'jam al-Wasit. Empat-empat kajian ini memperlihatkan jumlah data yang berbeza. Walau bagaimanapun dapatan yang diperoleh memperlihatkan hasil dapatan yang sama, iaitu terdapatnya kata pinjaman BA yang tepat makna yang dirujuk di samping terdapat juga kata pinjaman yang berbeza makna, iaitu sama ada takrifan yang dirujuk hampir tepat ataupun tidak tepat dan perubahan total maknanya dalam BM. Walaupun kajian ini secara *per se* tidak membincangkan perubahan semantik, iaitu peluasan makna, dapatan kajian ini secara implisitnya tetap membincangkan perubahan makna apabila peminjaman kata berlaku. Perubahan semantik daripada bahasa sumber ke bahasa penerima merupakan antara elemen yang pasti berlaku dalam semua bahasa. Sungguhpun dapatan kajian ini bermanfaat kepada para pengkaji yang lain, perbincangan berkaitan aplikasi kaedah dan analisis perbandingan yang dilakukan tidak dijelaskan secara terperinci. Kajian yang dilakukan tidak dinyatakan secara jelas skala ketepatan makna yang diguna pakai. Malahan terdapat antara kajian yang dinyatakan tersebut hanya memaparkan penyenaian paparan takrifan kata pinjaman BA dan BM dan ada juga yang memberikan perbincangan ringkas.

Sementara itu, Yusoff (2006) secara spesifik mengkaji ketidaktepatan takrifan kata pinjaman BA dalam BM. Dapatan kajian ini menemukan dua faktor ketidaktepatan: (1) kelainan fonemik antara BA dengan BM dan (2) kelemahan sistem ejaan Rumi yang tidak dapat menampung semua bunyi yang ada dalam huruf Jawi. Dua faktor ini

menyebabkan sepuluh kata yang dianalisis memperlihatkan takrifan yang berbeza daripada takrifan dalam BA. Dapatan Yusoff memperlihatkan bahawa apabila sistem bunyi dalam BA berbeza dengan sistem bunyi dalam BM, kecenderungan untuk berlakunya takrifan yang tidak tepat agak tinggi. Menurut Yusoff lagi perubahan takrifan yang berlaku dalam peminjaman kata BA dalam BM juga berpunca apabila BM hanya mengambil sebahagian sahaja takrifan BA yang sebenarnya lebih umum. Dapatan kajian ini ternyata membantu pengkaji lain memahami permasalahan ketidaktepatan makna yang berlaku dalam peminjaman kata BA. Walau bagaimanapun, kajian ini didapati tidak menyatakan asas pemilihan data yang dilakukan bagi memperkukuh kajian yang dilakukan.

Mansor (2010) mengkaji perubahan semantik kata pinjaman BA yang berlabel Ar dalam bidang agama daripada *Kamus Dewan Edisi Keempat* (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005). Sama seperti kajian sebelum ini, fokusnya ialah ketepatan makna. Perbandingan makna dilakukan dengan kamus BA *al-Mu'jam al-Wasit* (MW, 1980). Dapatan menemukan tiga kategori takrifan yang berlaku berdasarkan kekerapan: (1) takrifan yang tepat, (2) berlakunya takrifan yang kurang tepat dan (3) takrifan yang tidak tepat. Dapatan Mansor dapat dikaitkan dengan dasar yang diguna pakai, iaitu kata pinjaman BA dalam bidang agama seboleh mungkin dikekalkan takrifannya dalam BM.

Berbanding dengan kajian sebelum ini, Abdullah et al. (2011) mengkaji perubahan semantik yang berfokus kepada proses

peluasan, penyempitan dan perubahan makna. Dapatan kajian ini telah menemukan kesemua proses yang dinyatakan. Walau bagaimanapun, sama seperti kajian Jumingan (2005, 2011) dan Yusoff (2006), kajian ini tidak menyatakan metodologi yang diaplikasi dalam kajian yang dilakukan.

Sementara itu sedikit berbeza, Jalaluddin et al. (2012) dan Sarudin (2019) menganalisis hanya satu kata pinjaman BA, iaitu kata “alim” dan makna poliseminya yang diekstrak daripada *Kamus Dewan Edisi Keempat* (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005). Metodologi yang diaplikasi ialah analisis konkordans dengan menggunakan pangkalan data UKM-DBP dan pangkalan data Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). Dapatan kajian ini memperlihatkan takrifan “alim” yang mengalami peluasan makna yang merujuk pada takrifan positif dan negatif. Dapatan ini dapat dikatakan bersifat kontemporari kerana takrifan “alim” yang diperoleh adalah berdasarkan konkordans, iaitu indeks kata yang menggambarkan realiti takrifan “alim” dalam kalangan pengguna BM.

Kajian perbandingan makna berasaskan kamus selanjutnya dilakukan oleh Toklubok@Hajimaming dan Mezah (2013). Tiga kamus digunakan: (1) *Kamus Dewan Edisi Keempat* (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005), (2) *al-Mu'jam al-Wasit* (1972) dan (3) *al-Mu'jam al-Arabi al-Asasi* (1999). Pengutipan data dalam kajian ini dilakukan secara rawak dengan hanya menggunakan sepuluh kata BA yang berlabel Ar dan telah dikenal pasti mengalami perubahan makna. Oleh sebab pemilihan kata dilakukan

secara rawak, pemilihan kata tersebut tidak ditentukan bidangnya. Dapatan kajian ini menemukan peluasan, penyempitan dan pemindahan makna. Secara langsung kajian ini menjelaskan akan kepentingan takrifan yang tepat dalam kata pinjaman BA dalam BM bagi kelancaran proses pengajaran dan pembelajaran BA.

Abas et al. (2019, 2021) membincangkan 18 kata yang berhomofon dalam BM dan BA dari aspek pencapahan makna, iaitu dengan membandingkan takrifannya daripada laman sesawang Dewan Bahasa dan Pustaka (2017) dan takrifan terjemahan BA dalam bahasa Inggeris daripada laman sesawang Almaany (2019). Data yang digunakan ialah terjemahan al-Quran, kamus Arab–Melayu–Inggeris yang digabungkan dengan pemerhatian peribadi dan pengalaman. Dapatan kajian ini menemukan pencapahan makna yang mengelirukan terjemahan teks al-Quran dan Hadis dalam bahasa Melayu. Punca kepada kekeliruan terjemahan ini antaranya adalah salah faham makna yang dirujuk, masalah kekangan bahasa dan lokalisasi terjemahan. Implikasi kepada situasi ini menurut pengkaji akan mengelirukan para pelajar khususnya pelajar Arab yang perlu memenuhi syarat wajib lulus BM bagi pengajian mereka di Malaysia.

Terakhir, kajian oleh Musling (2021) yang berfokus pada perubahan semantik: ameliorasi, pejorasi, peluasan, penyempitan dan pemindahan makna. Kajian ini telah menemukan kesemua perubahan semantik yang dinyatakan pada peminjaman kata BA dalam BM. Dapatan ini sekali gus

membuktikan bahawa adaptasi peminjaman kata BA dalam BM sememangnya berlaku. Ini sekali gus memperlihatkan bahawa perubahan semantik dalam peminjaman kata dipengaruhi pertamanya oleh pertembungan budaya dan keduanya, penggunaan kata tersebut dalam bahasa penerima.

Kajian Peminjaman Kata BA dalam Bahasa Lain

Kajian peminjaman kata BA dalam bahasa lain antaranya dilakukan oleh Danzaki (2015), Hasan (2015), Anwar (2017), Maiza (2017), Julul et al. (2019), Ukhrwiyah (2019), Puspita dan Yusuf (2020), Almarwaey dan Ahmad (2021), Ilmiatun (2022) dan Hidayati dan Prindyatno (2023).

Danzaki (2015) menganalisis perubahan semantik yang berlaku dalam peminjaman kata BA dalam bahasa Hasua. Kajian ini berfokus kepada kata dalam bidang agama, kehidupan, pendidikan dan perdagangan. Kajian ini menemukan empat dapatan: (1) golongan kata nama BA tetap dikekalkan golongan katanya dalam bahasa Hasua, (2) takrifan dalam bahasa Hasua hanya mengambil satu takrifan khusus daripada sejumlah takrifan polisemi dalam BA, (3) perubahan semantik yang merujuk pada peluasan dan penyempitan makna dalam peminjaman kata BA, dan (4) pemindahan makna yang berpunca sama ada kata pinjaman BA diberikan takrifan baharu atau takrifan kata pinjaman BA yang “lemah” yang lazimnya berlaku pada takrifan polisemi mengambil alih takrifan yang “menonjol” manakala takrifan yang “menonjol” menjadi makna umum. Dapatan

ini membuktikan bahawa peminjaman kata tertakluk pada sistem dan struktur yang diterima pakai dan faktor pertembungan budaya yang berlaku dalam bahasa penerima.

Kajian peminjaman dalam bahasa Benggali dilakukan oleh Hasan (2015) dengan berfokus pada enam proses: (1) peluasan, (2) penyempitan, (3) ameliorasi, (4) pejorasi, (5) metafora dan (6) metonimi. Data dikumpulkan daripada kamus *Perso-Arabic Elements in Benggali* dan takrifan kata BA diperoleh daripada *A Dictionary of Modern Written Arabic*. Kajian ini telah menemukan keenam-enam proses perubahan semantik kata pinjaman BA dalam bahasa Benggali. Sekali lagi dapatan ini membuktikan bahawa proses adaptasi dalam bahasa penerima akan menentukan takrifan kata pinjaman yang dirujuk.

Selanjutnya peminjaman dalam bahasa Urdu dilakukan oleh Anwar (2017). Anwar menggumpalkan data daripada tiga sumber: (1) kamus Arab-Urdu, (2) daripada media bercetak seperti surat khabar dan majalah, (3) menerusi temu bual dengan penutur bahasa Arab dan Urdu. Kajian ini berfokus kepada perubahan semantik, iaitu proses peluasan, penyempitan, ameliorasi, pejorasi, metafora dan pemindahan makna. Dapatan kajian ini menemukan bahawa kata pinjaman dalam domain agama didapati mengekalkan makna daripada bahasa sumber manakala kata dalam domain yang lain memperlihatkan perubahan semantik.

Perubahan semantik dalam bahasa Minangkabau dilakukan oleh Maiza (2017). Kajian ini menggunakan *Kamus Umum Bahasa Minangkabau Indonesia*

untuk mengekstrakan data manakala kamus *al-Mu'jam al-Wasit* dan *Kamus Kontemporer Arab Indonesia* digunakan bagi mendapatkan takrifan kata BA. Kajian ini telah menemukan proses peluasan, penyempitan dan pemindahan makna selain pengekalakan takrifan kata.

Sementara itu, Julul et al. (2019) mengkaji proses adaptasi kata pinjaman BA dalam bahasa Indonesia. Data dikumpulkan daripada *Kamus Besar Bahasa Indonesia* (KBBI, 2019) Edisi Kelima dan takrifan data dibandingkan dengan kamus BA, *Arab Almaany Arabic Dictionary* (2019). Dapatan kajian ini memperlihatkan selain kebanyakan kata pinjaman BA mengekalkan makna bahasa sumber, ditemukan juga kecenderungan perubahan semantik yang tinggi pada proses penyempitan diikuti dengan peluasan dan pemindahan makna. Pemindahan makna yang berlaku dikatakan berpunca daripada proses peminjaman kata baharu yang dihubungkan dengan konsep budaya dalam bahasa penerima. Pemberian takrifan ini dikatakan berpandu kepada persepsi pancaindera bahasa penerima ataupun bahasa penerima telah terlalu menggeneralisasikan takrifan kata pinjaman BA tersebut.

Kajian kata pinjaman dalam bahasa Indonesia juga dilakukan oleh Ukhrawiyah (2019) yang berfokus kepada perubahan semantik, iaitu peluasan, penyempitan, dan perubahan makna. Analisis yang dilakukan tidak banyak berbeza dengan kajian lain yang dilakukan dalam bahasa Indonesia dan dapatan yang diperoleh juga hampir sama. Kajian Ukhrawiyah tidak menjelaskan

kaedah yang diaplikasi kecuali hanya menyatakan bahawa terdapat banyak kata pinjaman BA dalam bahasa Indonesia dalam *Kamus Besar Bahasa Indonesia* (KBBI).

Sementara itu, Puspita dan Yusuf (2020) melakukan kajian perubahan semantik dan kolokasi berfokus hanya pada dua kata pinjaman BA dalam bahasa Indonesia, iaitu “jahanam” dan “hijrah”. Analisis yang diaplikasi dalam kajian ini ialah analisis diakronik. Data dikumpulkan daripada manuskrip-manuskrip kuno dan teks-teks moden, iaitu daripada *Malay Concordance Project* (MCP), *Corpora Collection Leipzig University* dan *WebCorp Live Birmingham City University*. Dapatan kajian ini memperlihatkan kata “jahanam” telah mengalami peluasan makna, iaitu daripada hanya merujuk pada konteks agama, kini kata tersebut diasosiasikan dengan *evil* ataupun *crime*. Malahan didapati sebilangan penutur menggunakan kata ini bagi merujuk kepada nama, “Ayam Jahanam” dan mendeksripsikan makanan, misalnya “citarasa pedas yang jahanam”. Sementara itu, kata “hijrah” bermaksud berpindah dari satu tempat ke tempat yang lain, iaitu dalam konteks Islam merujuk kepada pemindahan nabi Muhammad SAW dari Mekah ke Madinah dan bermulanya tahun baharu Islam (kalendar Islam). Walau bagaimanapun, pada hari ini dalam konteks di Indonesia kata “hijrah” didapati berasosiasi dengan takrifan taubat ataupun perubahan, iaitu merujuk kepada cara berpakaian orang perseorangan yang sekarang telah menutup aurat. Selain itu, “hijrah” juga digunakan dalam bidang

yang berbeza daripada agama, iaitu bidang sukan, contohnya “... harus hijrah ke Liga Inggeris”.

Almarwaey dan Ahmad (2021) pula memfokuskan kepada tiga istilah BA, iaitu “*hijab*”, “*halal*” dan “*Islamist*” dalam bahasa Inggeris, iaitu perubahan semantik bagi makna denotatif dan konotatifnya. Kajian ini menggunakan kamus *Collins English Dictionary* dan *Oxford Learner’s Dictionary* bagi takrifan dalam bahasa Inggeris manakala takrifan BA diperoleh daripada kamus *al-Mu’jam al-Wasit*. Pengkaji juga menggunakan korpus iWeb bagi mendapatkan penggunaan istilah ini dalam bahasa seharian dan kolokasinya. Dapatan kajian ini menemukan berlakunya takrifan baharu dalam bahasa Inggeris yang tidak mencakupi aras makna sosial dan agama sebagaimana dalam makna asal BA. Sementara itu istilah “*Islamist*” didapati mempunyai makna konotatif negatif. Dapatan kajian ini memperlihatkan takrifan baharu yang diberikan merupakan penyempitan makna kepada kata yang dirujuk.

Sementara itu, dua kajian terkini, iaitu oleh Ilmiatun (2022) dan Hidayati dan Prindyatno (2023) didapati tidak memperlihatkan kajian yang mendalam sebaliknya penghuraian yang dilakukan bersifat deskriptif sahaja. Dalam hal ini, kajian Ilmiatun didapati hanya memaparkan perbincangan kajian pustaka oleh pengkaji-pengkaji sebelumnya mencakupi aspek fonetik dan fonologi, morfologi dan sintaksis. Sementara aspek perubahan makna yang disentuh ialah berkaitan faktor

yang mempengaruhi perubahan semantik. Hal yang sama dalam kajian Hidayati dan Prindyatno yang tidak memiliki sejumlah data yang dianalisis sebaliknya lebih merupakan penghuraian berkaitan jenis perubahan semantik dan diikuti dengan beberapa contoh yang berkaitan. Kandungan perbincangan ini hanya bersifat paparan perubahan semantik tanpa memperlihatkan proses analisis yang dilakukan. Kedua-dua kajian ini dapat dianggap sebagai kajian yang bersifat pengenalan berkaitan peminjaman kata BA dalam bahasa Indonesia sahaja.

Keseluruhan sorotan ini memperlihatkan bahawa kajian aspek perubahan semantik peminjaman kata BA sama ada dalam BM ataupun bahasa-bahasa yang lain telah mendapat perhatian para pengkaji atas beberapa faktor. Pertama, BA merupakan antara bahasa yang paling banyak digunakan dalam keluarga bahasa Semitik. Kedua, BA meluas tersebar ke seluruh pelosok dunia khususnya negara yang diperintah oleh orang Islam dan negara-negara jirannya dan ketiga, BA digunakan dalam penyebaran agama Islam yang selanjutnya menjadi bahasa politik, sains dan kesusasteraan dalam tempoh beberapa abad di negara Islam (UNESCO, 2012). Bersesuaian dengan kedudukan dan fungsi BA dalam bahasa-bahasa tertentu dalam dunia ini, didapati kaedah yang banyak diaplikasi ialah analisis perbandingan takrifan berbanding dengan analisis konkordans yang mencirikan takrifan. Ditemukan hanya tiga kajian yang menggunakan konkordans, iaitu Jalaluddin et al. (2012), Sarudin (2019) dan Puspita dan Yusof (2020). Kekurangan

jumlah penggunaan konkordans besar kemungkinannya berkaitan rapat dengan kesediaan pengkaji menyediakan data raya konkordans yang terkini dan relevan.

Bertitik tolak daripada perbincangan dalam sorotan kajian, didapati belum ada kajian yang mengusulkan perbincangan ke arah pembinaan prototaip peminjaman kata walaupun analisis proses perubahan semantik peminjaman kata BA dalam BM dan bahasa lain banyak dilakukan. Sehubungan dengan itu kajian yang berlangsung sekarang berobjektifkan pembinaan prototaip peminjaman kata BA dalam BM dengan mengaplikasikan analisis perbandingan kualitatif. Prototaip yang diusulkan ini dapat dijadikan dasar kepada pola perubahan semantik yang berlaku dalam peminjaman kosa kata asing dalam bahasa yang lain juga.

PERMASALAHAN KAJIAN

Kajian peminjaman kata BA dalam BM memaparkan perubahan semantik yang berlaku dalam bahasa penerima. Dalam konteks BM kajian yang berlangsung memaparkan dapatan yang pelbagai bersesuaian dengan objektif dan kaedah pengutipan data yang ditentukan. Terdapat kaedah dan kerangka teoritis yang kurang dapat dipertanggungjawabkan kerana tidak dinyatakan asas pemilihan data, teori atau pendekatan yang diaplikasi. Dapatan seperti ini agak sukar untuk dipertanggungjawabkan tambahan pula dalam konteks BM, kamus dan konkordans yang digunakan merupakan edisi yang agak lama. Sungguhpun dapatan kajian lepas tidak dinafikan bermanfaat,

kajian yang dilakukan tidak membincangkan prototaip peminjaman kata BA dalam BM walaupun proses peminjaman kata BA telah berlangsung sejak sekian lama, iaitu sejak kedatangan Islam di rantau alam Melayu seawal abad ke-7 (Noor, 2011). Kajian lepas tidak membincangkan dan mengusulkan prototaip kerana pengkategorian perubahan semantik didapati tidak dilakukan sebaliknya perbincangan berfokus kepada perubahan semantik sahaja. Pembinaan prototaip peminjaman kata BA ini penting bagi memperlihatkan pola perubahan semantik yang berkorelasi dengan pemahaman dan penerimaan takrifan oleh penutur BM. Hal yang realitinya berlaku dalam bahasa-bahasa lain yang telah dikaji. Prototaip ini dapat dijadikan usul proses eksperimental perubahan semantik yang berlaku dalam peminjaman kata. Lanjutan itu, langkah awal kajian dilakukan dengan pengekstrakan entri kata A dan B daripada *Kamus Dewan Perdana* (KDP), iaitu kata yang mengalami perubahan semantik yang pertama, iaitu proses peluasan makna (Millar, 2015).

PERSOALAN KAJIAN

Bagaimanakah pola peluasan makna kata pinjaman BA dalam BM? Persoalan ini bertitik tolak daripada hipotesis bahawa peminjaman kata daripada bahasa sumber kepada bahasa penerima akan mengalami proses perubahan semantik. Perubahan semantik ini tidak berlaku secara sewenang-sewenangnya sebaliknya terdapat pola perubahan semantik yang mendasarinya. Pola perubahan semantik yang berlaku ini membentuk rumus prototaip untuk diuji

perubahan semantik bagi kata pinjaman yang berlaku dalam bahasa.

BAHAN KAJIAN

Kajian yang dilakukan mengekstrak data daripada *Kamus Dewan Perdana* (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2021). KDP ialah kamus yang diterbitkan oleh badan berkanun yang diberikan autonomi dalam pengembangan BM di Malaysia. Data yang diekstrak ialah entri A dan B kata pinjaman BA dalam BM. Pengehadan entri ini penting dalam pembinaan prototaip peluasan makna kerana prototaip ini akan menjadi asas hipotesis proses peluasan makna kata pinjaman BA dalam bahasa BM secara keseluruhannya. Dalam konteks ini, kata pinjaman BA ini dikenal pasti melalui label Ar dalam KDP. Bagi kata BA yang tidak dilabelkan dengan Ar tetapi diyakini kata tersebut ialah BA, rujuk silang dilakukan dengan menggunakan kamus BA, *al-Mu'jam al-Wasit* (MW, 2011). Dalam konteks ini, maksud yang diyakini ini merujuk kepada kata pinjaman tersebut merupakan kata pinjaman BA berdasarkan struktur fonetik, fonologi dan morfologi kata yang dirujuk. Kata pinjaman BA yang dianalisis merupakan kata dasar, iaitu kata yang belum menerima imbuhan tanpa mengehendkan kelas katanya. Rujuk silang dengan menggunakan MW bertitik tolak daripada wibawa kamus ini yang diterbitkan oleh Akademi BA di Mesir yang menjadi pegangan para pelajar bahasa Arab pada peringkat pertengahan dan lanjutan di universiti, selain kamus ini juga menjadi salah satu rujukan yang digunakan oleh


Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dalam proses terjemahan takrifan kata pinjaman BA. Langkah merujuk silang ini dilakukan bagi memastikan kata pinjaman BA yang telah diserap masuk ke dalam BM tidak tertinggal dalam proses penganalisisan. Sementara itu, pengabsahan takrifan kata pinjaman BA dilakukan dengan merujuk kepada pakar terjemahan BA yang dikenal pasti dan memiliki sijil terjemahan yang dikeluarkan oleh Institut Terjemahan & Buku Malaysia (ITBM).

Pengekstrakan entri A dan B menemukan 588 entri kata pinjaman BA. Selaras dengan objektif kajian, analisis yang dilakukan tidak akan membincangkan proses nahu dalam bahasa Arab dan protokol penghasilan kamus KDP dan MW. Oleh sebab kajian ini berfokus kepada kajian semantik, struktur fonetik, fonologi dan morfologi tidak dibincangkan kerana proses nahu yang berlaku akan mengubah takrifan yang dirujuk. Proses nahu dalam konteks ini merujuk kepada perubahan fonotaktik pada kata pinjaman tersebut. Sehubungan itu, rujuk silang yang dilakukan adalah pada takrifan kata dasar kata pinjaman BA sahaja. Perbezaan fonotaktik yang berlaku sekiranya ada pada kata dasar tersebut berpunca daripada penyesuaian dalam sistem ejaan dalam BM. Selain itu, kata pinjaman BA yang digunakan bagi merujuk kepada nama orang, nama Tuhan dan apa-apa perkara yang tidak terpakai dalam budaya Melayu, misalnya Abidin (nama orang), Allah (nama Tuhan), Akmal (sifat Tuhan), Amir (jawatan pentadbiran), nama-nama surah dan sebagainya tidak akan dianalisis.

METODOLOGI

Analisis yang dilakukan mengaplikasikan kaedah kualitatif, iaitu analisis teks yang mempunyai tiga langkah pengutipan data: (1) pengekstrakan kata BA berlabel Ar daripada KDP, (2) rujuk silang kata BA yang tidak dilabelkan dengan Ar dan (3) analisis perbandingan kualitatif takrifan BA dan BM daripada MW dan KDP. Dalam kajian ini kata “takrifan” digunakan secara bertukar ganti dengan kata “makna”. Kaedah kutipan data ini secara umumnya memanfaatkan kaedah yang diaplikasi oleh Mansor (2010) dan Zaidan et al. (2015). Langkah 3, iaitu pendekatan analisis perbandingan kualitatif atau *qualitative comparative analysis* (QCA) bertujuan membolehkan suatu rumusan baharu diperoleh (Rihoux, 2006). Rumusan baharu yang dimaksudkan di sini adalah berkaitan dengan perubahan semantik dalam peminjaman kata. Kerangka metodologi QCA (Artis et al., 2019) seperti dalam Rajah 1 bertitik tolak daripada perbincangan Legewie (2013) yang diaplikasi dengan menggabungalinkan persoalan kajian, kajian kes, sumber, hipotesis dan rujuk silang.

Rajah 1 memperlihatkan protokol QCA dimulai dengan persoalan kajian yang menjadi dasar penyelidikan bagi menjawab perubahan semantik yang berlaku pada peminjaman kata BA dalam BM. Kata BA diekstrak daripada KDP yang kemudiannya dirujuk silang daripada kamus MW bagi pengabsahan kata pinjaman BA dan takrifan entri yang dirujuk. Rujuk silang turut dilakukan terhadap enam sumber lain yang berwibawa bagi mengukuhkan lagi



Rajah 1. Analisis perbandingan kualitatif (QCA)

pengabsahan etimologi entri kata pinjaman BA yang tidak berlabel ‘Ar’ dalam kajian ini, iaitu *A Malay-English Dictionary* (MED) oleh Wilkinson (1959), *Kamus Bahasa Melayu* (KBM) oleh Windstedt (1960), *Arabic Loan-Words in Malay* (ALM) oleh Beg (1979), *Ilmu Mengarang Melayu* (IMM) oleh Ahmad & Omar (2002), *Loan-Words in Indonesian and Malays* (LIM) oleh Jones (2008), dan *Kamus Dewan Edisi Keempat* (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2015). Takrifan yang diperoleh akan dikenal pasti jenis takrifan yang dirujuk, iaitu takrifan umum ataupun takrifan spesifik. Ini menjurus kepada analisis perubahan semantik berdasarkan hipotesis. Pada akhir protokol QCA, pola peluasan makna yang

berlaku daripada kata pinjaman BA ke BM akan dapat diperoleh. Pola peluasan makna yang terhasil ini ialah prototaip yang menjadi objektif kajian.

PENDEKATAN ANALISIS

Kajian ini mengaplikasi pendekatan analisis perubahan semantik yang diusulkan oleh Millar (2015, 36–40). Pendekatan analisis ini bertitik tolak daripada Teori Domain Semantik (1931) yang diusulkan oleh Trier (Crystal, 1987). Trier membincangkan perubahan semantik yang berlaku pada kata pengetahuan (*knowledge*) dalam bahasa Jerman, iaitu *wisheit*, *kunst* dan *list*. Perbincangan ini kemudiannya diperhalus oleh sarjana-sarjana selepasnya, antaranya

Millar yang membincangkan perubahan semantik kepada lapan jenis: (1) peluasan, (2) penyempitan, (3) ameliorasi, (4) pejorasi, (5) metonimi, (6) sinekdoki, (7) pemindahan makna dan (8) metafora (Rajah 2).


Secara ringkas, peluasan makna merujuk kepada proses sesuatu kata tersebut memperoleh makna baharu dalam bahasa penerima dengan tidak mengalami kehilangan makna sedia adanya dalam bahasa sumber, misalnya kata “alim” (BA) merujuk kepada orang yang mempunyai banyak ilmu manakala dalam BM “alim” ialah orang yang berilmu dalam agama, memiliki sifat yang baik serta patuh menunaikan suruhan dan menjauhi larangan agama.

Penyempitan makna merujuk kepada pengkhususan makna yang berlaku dalam bahasa penerima, misalnya kata “amil” (BA) mempunyai tujuh makna polisemi antaranya merujuk kepada pekerja (profesional/pembuatan), individu yang menguruskan harta ataupun pemilikan ataupun pekerjaan seseorang, individu (amil) yang membuat kutipan zakat daripada pembayar zakat dan sebagainya. Manakala dalam BM, kata “amil” hanya merujuk kepada pengutip zakat, iaitu makna polisemi ketiga dalam takrifan BA.

Ameliorasi merujuk kepada proses menjadikan makna sesuatu kata itu lebih

positif dan mengagumkan, iaitu peningkatan makna, misalnya kata “wanita” berbanding dengan kata “perempuan”. Pejorasi merujuk kepada proses menjadikan makna sesuatu kata itu negatif dan kurang menarik, iaitu penurunan makna, misalnya kata “*mistress*” yang pada suatu masa dahulu berpadanan aras dengan kata *master* tetapi pada hari ini kata “*mistress*” merujuk pada wanita simpanan (Millar, 2015, 37). Metonimi merujuk kepada kata dan makna kata yang diasosiasikan kerana wujudnya hubungan yang rapat, misalnya penggunaan kata “Putrajaya” bagi merujuk kepada pusat pentadbiran negara Malaysia (Zahid, 2021). Sinekdoki merujuk kepada kata yang maknanya digunakan untuk merujuk pada sesuatu bahagian daripada keseluruhan makna kata yang dirujuk dan juga sebaliknya, misalnya “pensyarah univerti awam” mewakili penjawat awam dan “syarikat penerbangan tambang murah” mewakili Air Asia, Malindo dan sebagainya.

Pemindahan makna merujuk kepada proses memberikan makna baharu kepada kata dalam bahasa penerima, misalnya dalam BA, kata “asnaf” merujuk kepada sifat atau ciri-ciri dan jenis manakala dalam BM “asnaf” merujuk pada golongan yang layak mendapat zakat. Terakhir, metafora ialah proses mengaplikasikan sesuatu



Rajah 2. Perubahan semantik – jenis

perkataan kepada sesuatu takrifan yang tidak dinyatakan secara literal, misalnya “orang kanan” merujuk pada orang yang diharapkan oleh pihak tertentu.

Kecenderungan kajian dalam peminjaman kata didapati tertumpu pada tiga jenis perubahan semantik: (1) peluasan, (2) penyempitan dan (3) pemindahan makna. Ini dapat dilihat dalam kajian yang dilakukan antaranya oleh Almarwaey dan Ahmad (2021), Puspita dan Yusuf (2020), Julul et al. (2019), Maiza (2017) dan Danzaki (2015) yang masing-masingnya berkaitan dengan kata pinjaman BA dalam bahasa Inggeris, bahasa Indonesia, bahasa Minangkabau dan bahasa Hasua. Sehubungan dengan perbincangan tersebut, selari dengan objektif kajian dan proses pertama perubahan semantik oleh Millar (2015), kajian ini akan memfokuskan kepada peluasan makna kata pinjaman BA dalam BM.

DAPATAN

Analisis yang dilakukan pada 588 entri kata pinjaman BA dalam BM telah menemukan 32 entri yang mengalami proses peluasan makna berdasarkan takrifan BA (Lampiran 1). Takrifan BA dapat dibahagikan kepada dua jenis: (1) takrifan umum dan (2) takrifan spesifik. Takrifan umum bermaksud dalam BA takrifan tersebut memperlihatkan makna yang tidak terbatas manakala takrifan spesifik bermaksud dalam BA takrifan tersebut merujuk kepada makna yang bersifat khusus. Perincian analisis mendapati daripada 32 entri tersebut telah menghasilkan 14 pola peluasan makna, iaitu 4 pola berdasarkan takrifan umum manakala

selebihnya ialah takrifan spesifik. Dapatan ini dipaparkan dalam Jadual 1.

Jadual 1 memaparkan jenis takrifan dalam BA, iaitu takrifan umum dan takrifan spesifik. Takrifan umum BA menghasilkan empat pola, iaitu pola 1–4. Sementara takrifan spesifik menghasilkan 10 pola, iaitu pola 5–14. Keseluruhan jumlah entri yang terklasifikasi dalam pola yang dirujuk, iaitu pola 1, mempunyai kekerapan 10 entri; pola 6, 7 entri; pola 2, 9 dan 13, masing-masingnya 2 entri manakala pola yang berbaki masing-masingnya memperlihatkan kekerapan berjumlah 1. Jadual 1 juga memperlihatkan bagi kesemua pola yang terhasil, peluasan makna dalam BM masih lagi mengekalkan makna dalam BA secara umumnya diikuti dengan sama ada BM memberikan makna polisemi (1) kepelbagaian makna spesifik, (2) makna tambahan secara umum, (3) makna bahasa basahan, (4) makna kata arkaik, (5) makna bahasa klasik dan (6) makna bahasa kiasan. Sementara itu, bagi pola 11–14, berlaku +/- makna bahasa sumber yang bermaksud terdapat antara takrifan yang tidak diterima masuk dalam BM. Kesemua takrifan ini diambil seadanya daripada MW dan KDP.

Bertitik tolak daripada Jadual 1, berikut dipaparkan contoh bagi setiap satu pola bagi takrifan umum, iaitu Pola 1–4 dalam Jadual 2.

Jadual 2 memperlihatkan perbandingan takrifan antara BA dengan BM. Sebagaimana yang dinyatakan sebelum ini, peluasan makna yang berlaku masih mengekalkan makna daripada bahasa sumber dalam bahasa penerima, iaitu

BM. Walau bagaimanapun, sesuai dengan BM, peluasan makna berlaku dengan BM peluasan makna yang berlaku, takrifan BM didapati memaparkan kepelbagaian makna polisemi. Dapat dilihat pada kolom BM, peluasan makna berlaku dengan BM memberikan kepelbagaian makna spesifik, makna tambahan, makna bahasa basahan dan makna kata arkaik.

Jadual 1
Pola peluasan makna

BA		BM	Jumlah Entri
umum	pola 1	makna bahasa sumber + makna spesifik	10
	pola 2	makna bahasa sumber + makna spesifik + makna tambahan	2
	pola 3	makna bahasa sumber + makna spesifik + makna tambahan + makna bahasa basahan	1
	pola 4	makna bahasa sumber + makna spesifik + makna tambahan + makna kata arkaik	1
spesifik	pola 5	makna bahasa sumber	1
	pola 6	makna bahasa sumber + makna tambahan	7
	pola 7	makna bahasa sumber + makna bahasa klasik	1
	pola 8	makna bahasa sumber + makna tambahan + makna bahasa kiasan + makna bahasa klasik	1
	pola 9	makna bahasa sumber + makna spesifik + makna tambahan	2
	pola 10	makna bahasa sumber + makna spesifik + makna bahasa basahan	1
	pola 11	+/- makna bahasa sumber	1
	pola 12	+/- makna bahasa sumber + makna spesifik	1
	pola 13	+/- makna bahasa sumber + makna spesifik + makna tambahan	2
	pola 14	+/- makna bahasa sumber + makna spesifik + makna bahasa klasik	1
Jumlah	14		32

Nota. BA = bahasa Arab; BM = bahasa Melayu; + = tambahan; +/- = tambahan/pengurangan

Jadual 2
Takrifan umum: Pola 1–4

POLA	BA	BM
pola 1 makna bahasa sumber + makna spesifik	الأخير Dia adalah orang yg terakhir saya temui, dia adalah orang yg terakhir datang: paling akhir antara semua.	Akhir 1 kemudian sekali atau paling belakang, hujung dsb. 2 penamat atau penghabisan sst cerita, ucapan dll. 3 bahagian hujung atau tempoh sebelum berakhirnya sst musim, bulan, tahun dsb.
pola 2 makna bahasa sumber + makna spesifik + makna tambahan	عوامٌ kata jamak daripada العامة Orang awam: berlawanan dgn orang khas/khusus.	Awam 1 melibatkan orang ramai sbg suatu keseluruhan. 2 (bkn kemudahan, infrastruktur, perancangan dsb) tidak terkhusus utk golongan tertentu. 3 (bkn institusi, organisasi dsb) bukan swasta, dimiliki kerajaan. 4 (bkn golongan rakyat) bukan tentera atau polis. 5 bukan kakitangan kerajaan sepenuhnya dan bukan kakitangan swasta.
pola 3 makna bahasa sumber + makna spesifik + makna tambahan + makna bahasa basahan	العليم mempunyai banyak ilmu.	Alim 1 patuh menunaikan suruhan dan menjauhi larangan agama serta kuat beribadat. 2 mempunyai pengetahuan agama yg mendalam di samping memiliki sifat warak, zuhud dan takwa. 3 <i>bb</i> sangat baik sifat dan akhlakunya.
pola 4 makna bahasa sumber + makna spesifik + makna tambahan + makna kata arkaik	الأمانة 1 Kejujuran. 2 Titipan (sesuatu yg diamanahkan utk disimpan/dijaga).	Amanah 1 dapat dipercayai, bertanggungjawab dan jujur dlm menjaga atau melaksanakan sst yg diserahkan atau ditugaskan kepadanya. 2 jujur dan menjaga atau melaksanakan sst yg ditugaskan kepadanya, yg merupakan sifat yg wajib ada pd nabi dan rasul. 3 sso atau sst yg diserahkan dgn penuh keyakinan kpd orang yg dipercayai supaya disimpan, dijaga dll dgn baik. 4 tugas atau tanggungjawab yg dipercayakan kpd sso supaya dilaksanakan dgn baik dan jujur. 5 kepercayaan yg diberikan kpd sso utk melaksanakan sst tugas atau tanggungjawab. 6 keadaan aman atau tenteram. 7 <i>ark</i> amanat.

Sementara itu Jadual 3 memperlihatkan peluasan makna berdasarkan makna spesifik dalam BA, iaitu pola 5–14.

Sebagaimana dalam Jadual 2, kandungan Jadual 3 memperlihatkan perbandingan takrifan yang dilakukan. Pada

Jadual 3
Takrifan spesifik: Pola 5–14

POLA	BA	BM
pola 5 makna bahasa sumber	<p>الكحول</p> <p>1 Cecair tidak berwarna yg mempunyai bau yg sangat kuat, dihasilkan drp penapaian gula dan kanji.</p> <p>2 Pati arak seperti mana yg dimasukkan dlm pembuatan minyak wangi.</p> <p>(penimbang alkohol): alat yg menentukan kadar kumulatif alkohol di dlm air.</p>	<p>Alkohol</p> <p>1 <i>Kim</i> cecair tanpa warna dan boleh terbakar yg dihasilkan drp penapaian karbohidrat atau drp petroleum. Cecair ini digunakan dlm minuman, sbg pelarut dlm minyak wangi dsb; etanol; etil alkohol.</p> <p>2 minuman beretanol yg boleh memabukkan yg dihasilkan melalui proses penapaian buah-buahan atau bijirin, spt anggur dan barli.</p> <p>3 <i>Kim</i> kumpulan sebatian organik alifatik yg mempunyai kumpulan berfungsi hidroksil, mis metanol dan etanol. Formula am: $C_nH_{2n+1}OH$ dgn n tidak bernilai sifar.</p>
pola 6 makna bahasa sumber + makna tambahan	<p>الخَبَرُ kata jamak daripada الخَبْرُ</p> <p>1 Kata-kata yg dipindahkan melalui percakapan atau penulisan.</p> <p>2 Kata-kata yg membawa kpd kebenaran atau pendustaan.</p>	<p>Akhbar</p> <p>1 surat khabar.</p> <p>2 syarikat yg menerbitkan surat khabar.</p> <p>3 berita atau warta.</p>
pola 7 makna bahasa sumber + makna bahasa klasik	<p>عجائب العجيب kata jamak daripada العَجِيبُ</p> <p>Sesuatu perkara yg mendorong kpd kehairanan.</p>	<p>Ajaib</p> <p>1 sangat menghairankan, mengagumkan dan luar biasa.</p> <p>2 <i>kl</i> (bkn air, lampu dll) dianggap mempunyai kuasa sakti</p>
pola 8 makna bahasa sumber + makna tambahan + makna bahasa kiasan + makna bahasa klasik	<p>العَبْدُ</p> <p>1 Hamba.</p>	<p>Abdi</p> <p>1 orang yg dimiliki oleh sso lain yg menjadi tuannya dan terpaksa melakukan apa saja yg diperintahkan tanpa mempunyai kebebasan atau hak sendiri; hamba.</p>

Jadual 3 (sambungan)

POLA	BA	BM
	2 Manusia yg bebas, hamba yg bebas krn hanya mengabdikan diri/menyembah kpd Allah Yang Maha Agung.	2 orang yg diperlakukan spt hamba. 3 hamba yg taat dan tawaduk kpd Allah dgn mengerjakan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. 4 <i>ki</i> negara, pertubuhan, sso dsb yg sentiasa mengikut kehendak pihak tertentu yg berkuasa. 5 <i>ki</i> orang yg hidupnya dikuasai atau dipengaruhi sepenuhnya oleh sst. 6 <i>kl</i> panggilan kpd diri sendiri utk merendah diri ketika bercakap dgn raja, mahaguru dsb.
pola 9 makna bahasa sumber + makna spesifik + makna tambahan	العَدْلُ 1 Kesaksamaan, iaitu memberi seseorang apa yg berhak baginya dan mengambil apa yg bukan ke atasnya. 2 Yg adil, disebut juga utk seseorang dan selainnya. 3 Serupa/sepadan dan sama. 4 Balasan. 5 Tebusan. Spt yg diturunkan dlm ayat suci al-Quran: “Dan tidak akan diterima suatu tebusan daripadanya.”	Adil 1 (bkn orang, tindakan, hukuman dsb) berpihak kpd yg benar dan yg berhak. 2 tidak memihak kpd mana-mana pihak atau tidak berat sebelah. 3 wajar atau berpatutan. 4 (bkn permainan, pertandingan dsb) dijalankan mengikut peraturan. 5 (bkn saksi) tidak fasiq, bertaqwa dan sentiasa menjaga akhlak.
pola 10 makna bahasa sumber + makna spesifik + makna bahasa basahan	الابْنُ Anak lelaki.	bin¹ 1 anak lelaki kpd, biasanya digunakan utk keterangan nama orang lelaki beragama Islam atau berbangsa Arab, diletakkan di antara nama sso lelaki dgn nama bapanya. 2 <i>bb</i> nama bapa. 3 <i>bb</i> menyatakan maksud amat sangat, biasanya dipakai pd perkataan-perkataan yg lebih kurang sama ertinya.
pola 11 +/- makna bahasa sumber	الآلَةُ 1 Alat muzik. 2 Tiang khemah. 3 Keadaan/situasi. 4 Keamatan. 5 Alat pengusung mayat. 6 Peralatan kerja ringan. 7 Peralatan silap mata.	alat¹ 1 benda yg digunakan utk membuat sst kerja atau aktiviti. 2 sso atau sst yg dipergunakan bagi mencapai tujuan tertentu. 3 bahagian tubuh atau organ manusia atau binatang yg menjalankan tugas-tugas tertentu.

Jadual 3 (sambungan)

POLA	BA	BM
	<p>(bidang mekanikal): Peralatan yg berfungsi utk mengubah pelbagai tenaga kinetik/dinamik spt suhu, wap, elektrik kpd mesin spt alat yg menggerakkan kapal, mesin tunda, alat mengawal tuil dan lain-lain. Semua alat dinisbahkan kpd tenaga yg menggerakannya spt mesin wap, mesin elektrik.</p> <p>(alat penggera): Peranti hon kereta bagi memberi amaran kpd pejalan kaki dan orang yg sedang leka.</p>	<p>4 sst yg menyebabkan berlakunya sst proses atau kejadian.</p>
<p>pola 12 +/- makna bahasa sumber + makna spesifik</p>	<p>التَّيْسَم</p> <p>1 Ekstrak getah resin yg terbentuk drp pokok yg tumbuh di negara panas dan digunakan dlm perubatan.</p> <p>2 Genus pokok di mana getah akan mengalir apabila ditoreh.</p>	<p>Balsam</p> <p>1 bahan resin yg diperoleh drp tumbuhan dan digunakan sbg bahan asas ubat dan minyak wangi.</p> <p>2 ubat sapu yg biasanya lekit, berbau wangi dan berangin, digunakan utk melegakan gatal-gatal, sakit otot dll; bam.</p>
<p>pola 13 +/- makna bahasa sumber + makna spesifik + makna tambahan</p>	<p>التَّعْرِيف</p> <p>1 Yg mengetahui segala sst perkara.</p> <p>2 Seseorang yg bertanggungjawab atas urusan sesuatu kaum dan merupakan pemimpin/ketua mereka.</p>	<p>Arif</p> <p>1 memahami sst dgn mendalam dan luas pengetahuannya.</p> <p>2 berasaskan pemikiran yg mendalam atau bijaksana.</p> <p>3 orang yg dikatakan mendapat makrifat drp Allah dlm ajaran tarekat.</p>
<p>pola 14 +/- makna bahasa sumber + makna spesifik + makna bahasa klasik</p>	<p>آَمَن</p> <p>1 menjadi aman/tenteram.</p> <p>2 percaya, mempercayai.</p> <p>Spt yg diturunkan dlm ayat suci al-Quran: “sudah tentu ayah tidak akan percaya kepada kata-kata kami ini”.</p> <p>3 membuatnya tenteram/tenang.</p>	<p>Aman</p> <p>1 (bkn negara, kawasan, tempat dsb) bebas drp kekacauan, peperangan, pergaduhan, permusuhan dsb.</p> <p>2 (bkn cara, kaedah dsb) bebas drp pergaduhan, huru-hara, keganasan dsb utk mencapai keputusan atau menyelesaikan masalah.</p> <p>3 (bkn rakyat, keluarga dsb) dlm keadaan bersatu padu tanpa berasa khuatir atau takut serta bebas drp ancaman atau persengketaan.</p> <p>4 (bkn suasana, fikiran dll) tenang, tiada kusut atau tidak kelam-kabut.</p> <p>5 <i>kl</i> keadaan tenang dan menyenangkan.</p> <p>6 <i>kl</i> keadaan bebas drp peperangan atau kacau-bilau.</p> <p>7 <i>kl</i> nasihat atau pesan yg baik.</p>

kolum BM, peluasan makna berlaku dengan BM memberikan makna tambahan, makna bahasa klasik, makna bahasa kiasan, makna bahasa basahan dan makna spesifik. Namun demikian dalam pola 11–14 didapati tidak kesemua takrifan dalam BA diterima masuk dalam BA. Oleh itu bagi pola yang dirujuk ini, label yang diberikan adalah +/- makna bahasa sumber.

Perincian analisis daripada Jadual 2 dan 3 memperlihatkan bahawa pola-pola yang terhasil membentuk dua rumus, iaitu rumus superset “ \supset ” dan rumus komplemen relatif “ \setminus ” seperti dalam Rajah 3. Rumus 1, $BM \supset BA$ dapat dipaparkan dalam rajah Venn (Rajah 4).

Rajah 4 bermaksud BM menerima kesemua takrifan dalam BA di samping menambah takrifan baharu bagi kata

pinjaman BA yang dirujuk. Ini dapat dilihat seperti paparan contoh dalam Jadual 2 yang dipaparkan bagi pola 1–10, iaitu enam takrifan polisemi: (1) makna spesifik, (2) makna tambahan, (3) makna bahasa basahan, (4) makna kata arkaik, (5) makna bahasa klasik dan (6) makna bahasa kiasan.

Sementara itu, dalam Rumus 2, BA merupakan komplemen relatif pada BM seperti paparan dalam rajah Venn (Rajah 5).

Rajah 5 tersebut bermaksud terdapat sejumlah takrifan polisemi dalam BA yang takrifannya tidak diterima masuk dalam BM. Ini bermaksud dalam konteks ini takrifan BA yang tersenarai tidak secara totalnya diterima. Situasi ini dapat dilihat berlaku dalam pola 11–14.


Kedua-dua rumus ini secara tentatifnya ialah prototaip peluasan makna kata

Rumus 1: $BM \supset BA$.


Dalam konteks ini BM adalah superset “ \supset ”, kepada BA dengan maksud takrifan BA dalam BM telah diperluaskan, iaitu berlakunya tambahan takrifan dalam BM.

Rumus 2: $BA \setminus BM$ yang bermaksud BA merupakan komplemen relatif kepada BM yang bermaksud wujudnya set elemen yang berbeza dalam BA.

Rajah 3. Rumus peluasan makna $BM \supset BA$ dan $BA \setminus BM$



Rajah 4. $BM \supset BA$



Rajah 5. $BA \setminus BM$

pinjaman BA dalam BM. Rumus yang terbentuk ini menggambarkan pemahaman dan penerimaan penutur Melayu akan sejumlah takrifan yang sedia ada dalam BA. Pemahaman dan penerimaan takrifan yang diterima masuk ini juga berkaitan dengan pemilikan pengetahuan orang Melayu tentang kata BA yang dirujuk. Pernyataan ini bermaksud bahawa takrifan yang diterima pakai ini dibuktikan oleh entrinya yang tersenarai dalam KDP yang protokol penyusunannya melibatkan pakar bidang agama dan bahasa Arab sebagaimana yang dicatatkan pada bahagian Pakar Rujuk, KDP. Tidak dapat dinafikan bahawa terdapat antara entri yang tersenarai tersebut tidak diketahui oleh orang awam berpunca daripada penggunaan entri tersebut menghusus pada bidang tertentu sahaja. Ini selari dengan dapatan kajian peminjaman kata BA dalam BM oleh Abas et al. (2021) yang berkaitan dengan pemahaman orang Melayu tentang takrifan yang dirujuk dalam BA yang kemudiannya dilokalisasi maknanya. Hal yang sama juga dinyatakan oleh Hasan (2015) bagi bahasa Benggali dan Almarwaey dan Ahmad (2021) bagi bahasa Inggeris.

PERBINCANGAN

Pola peluasan makna kata pinjaman BA dalam BM menggambarkan bahawa adaptasi takrifan berkorelasi dengan budaya Melayu, iaitu pemahaman dan penerimaan orang Melayu berkaitan takrifan kata BA. Dalam hal ini orang Melayu memberikan enam takrifan polisemi. Pertama, memperincikan takrifan yang umum dengan kepelbagaian

makna spesifik bagi mempermudah kefahaman takrifan yang dirujuk, misalnya Pola 2 kata “awam” dalam BA merujuk pada orang sahaja tetapi dalam BM selain menerima pakai takrifan BA yang sedia ada, BM memperluas takrifan dengan makna polisemi secara spesifik pada kata ini, iaitu polisemi keempat—orang “bukan tentera atau polis” berkaitan dengan makna perjawatan khusus dan polisemi kelima—orang “bukan kakitangan kerajaan sepenuhnya dan bukan kakitangan swasta”, iaitu merujuk pada organisasi tempat bertugas orang yang dirujuk. Sementara polisemi makna tambahan misalnya dalam Pola 2 bagi kata “awam”, penambahan makna polisemi kedua merujuk pada aspek yang lain, iaitu pada keselesaan dan manfaat penggunaan secara bersama pada kemudahan, infrastruktur, institusi, organisasi dan sebagainya. Makna polisemi ini mencapah takrifan sedia ada “awam” yang dirujuk. Sementara itu, bagi takrifan polisemi makna bahasa basahan dalam BM, makna ini merujuk pada penggunaan dalam suasana tidak rasmi; polisemi makna kata arkaik merujuk kepada makna kata kuno, iaitu makna kata yang pernah digunakan suatu masa dahulu; polisemi makna bahasa klasik pula merujuk pada makna dalam bahasa sebelum wujudnya BM moden dan keenam, polisemi makna bahasa kiasan, iaitu bahasa figuratif yang berkaitan dengan makna yang melampaui makna literal sesuatu kata.

Dalam konteks yang sama juga terdapat takrifan BA yang tidak diterima dalam BM, iaitu pada pola 11, 12, 13

dan 14. Contohnya, pola 11 bagi kata “alat” memperlihatkan polisemi ketiga dan keempat, masing-masingnya merujuk pada “keadaan/situasi” dan “keamatan” yang takrifannya tidak diterima pakai dalam BM. Justifikasi pada kes ini dapat dilihat berdasarkan penyenaian takrifan kata “alat” yang merujuk pada benda yang digunakan untuk melakukan sesuatu, iaitu objek yang ada fungsinya. Pengetepian takrifan “keadaan/situasi” dan “keamatan” bertujuan mengelakkan kekeliruan penutur BM tentang takrifan yang diterima pakai, iaitu dengan menolak sesuatu takrifan yang di luar domain makna yang dirujuk. Pernyataan ini selari dengan perkara yang dibincangkan sebelum ini, iaitu bertujuan mempermudah pemahaman takrifan.

Hal yang sama berlaku dalam pola 12 takrifan BA bagi kata “balsam” polisemi kedua—“genus pokok di mana getah akan mengalir apabila ditoreh”. Polisemi ini tidak diterima pakai dalam BM kerana takrifan BM didapati berfokus pada asal usul bahan dan fungsi yang dirujuk oleh “balsam” dan tidak pada cara memperoleh bahan yang dirujuk. Pengetepian takrifan ini tentu sahaja berkaitan dengan kefahaman bahawa kaedah memperoleh bahan boleh dilakukan dengan pelbagai cara selain daripada “menoreh” seperti yang dinyatakan dalam kamus.

Begitu juga pola 13 bagi kata “arif” yang memperlihatkan polisemi kedua, iaitu “seseorang yang bertanggungjawab atas urusan sesuatu kaum dan merupakan pemimpin/ketua mereka” tidak diterima pakai dalam BM. Takrifan ini sama kesnya seperti takrifan pola 11, iaitu berkaitan

dengan takrifan di luar domain makna yang dirujuk dan bertujuan mengelakkan kekeliruan makna berlaku dalam kalangan pengguna BM. Dalam konteks ini takrifan induk yang memperlihatkan hubungan makna dikekalkan berbanding dengan takrifan yang tidak berada dalam domain yang sama. Pola 13 dalam kes ini merujuk pada takrifan induk pemilikan pengetahuan manakala pola 11 pula merujuk pada takrifan induk fungsi objek yang dirujuk.

Terakhir pola 14 memperlihatkan kata BM tidak menerima pakai makna polisemi kedua “percaya, mempercayai” bagi kata “aman” yang dirujuk sebaliknya berfokus pada situasi kedamaian, keharmonian dan ketenangan sahaja. Sekali lagi kes seperti ini berkaitan dengan domain makna yang dirujuk dan bertujuan mengelakkan kemungkinan berlakunya kekeliruan dalam kalangan pengguna BM. Takrifan yang diterima pakai ini sama kesnya bagi pola 13 dan pola 11 yang dibincangkan sebelum ini.

Kesemua analisis takrifan ini merupakan bukti kukuh bahawa adaptasi takrifan ditentukan oleh penutur BM. Dapatan ini ternyata selari dengan kajian yang dilakukan antaranya oleh Julul et al. (2019), Puspita dan Yusuf (2020) dan Musling (2021). Sehubungan dengan kejayaan mengenal pasti pemahaman dan penerimaan takrifan yang diguna pakai dalam BM, pembinaan prototaip peluasan makna yang dihasilkan ini dapat dimanfaatkan sebagai usul yang seterusnya diuji kerelevanannya dalam kajian aspek peminjaman kata asing dalam BM mahupun dalam bahasa-bahasa lain di dunia ini. Rumus prototaip yang terbentuk

ini adalah seperti mana paparan pada Rajah 4 dan 5, yang masing-masingnya dirujuk rumus superset dan rumus komplemen relatif.

Prototaip yang terbentuk ini tertakluk kepada sistem dan struktur bahasa penerima. Rumus-rumus ini tidak berlaku secara sewenang-wenangnya sebaliknya ditentukan oleh bahasa penerima. Ini diperkukuh dengan entri yang tersenarai dalam KDP yang menjadi pegangan dan rujukan khalayak pengguna BM, baik orang awam, penyelidik dan pelajar BM. Sungguhpun dinyatakan bahawa rumus-rumus berhubung rapat dengan sistem dan struktur bahasa penerima, dalam konteks ini BM, dapatan ini kemungkinannya juga terpakai dalam bahasa-bahasa lain yang juga melakukan peminjaman kata. Prototaip ini sebagaimana yang dinyatakan di bahagian awal perlu diuji kerelevanannya pada bahasa-bahasa yang lain juga. Kerangka dapatan dalam rumus ini bersifat luas dan dalam masa yang sama memperlihatkan spesifikasi yang pastinya ada dalam bahasa yang meminjam, iaitu bahasa penerima yang sistem dan strukturnya bersifat eksklusif.

KESIMPULAN

Kajian perubahan semantik kata pinjaman BA banyak dilakukan dalam pelbagai bahasa. Namun begitu belum ditemukan kajian yang berobjektif pembangunan prototaip. Ini diperkukuh dengan sorotan literatur yang hanya membincangkan dapatan perubahan semantik tanpa dilakukan pengkategorian perubahan yang dijadikan dasar pada pembangunan

prototaip. Selaras dengan objektif kajian, analisis yang dilakukan menggunakan persampelan data yang terhad, iaitu entri A dan B bertujuan mendapatkan perubahan semantik yang berlaku. Analisis awal menemukan bahawa takrifan kata BA dapat dibahagikan kepada dua jenis: (1) takrifan umum dan (2) takrifan spesifik. Dapatan ini selanjutnya diperincikan analisisnya dan menemukan 14 pola peluasan makna berdasarkan dua jenis takrifan yang dinyatakan sebelum ini. Pola ini selanjutnya membentuk dua rumus, iaitu superset dan komplemen relatif. Rumus superset ialah rumus yang menjelaskan bahawa takrifan BM memperluas makna yang sedia ada dalam BA dengan memberikan makna polisemi. Dalam BM terdapat enam takrifan polisemi yang diaplikasi, iaitu makna spesifik, makna tambahan, makna bahasa basahan, makna kata arkaik, makna bahasa klasik dan makna bahasa figuratif. Sementara itu, rumus komplemen relatif merujuk pada terdapatnya takrifan BA yang tidak diterima pakai dalam BM atas justifikasi mempermudah takrifan kata dan domain makna. Lanjutan itu, dapatan pembentukan rumus ini yang secara tentatifnya ialah prototaip peluasan makna kata pinjaman BA dalam BM. Dapatan ini secara langsung dapat dimanfaatkan sebagai asas kepada kerangka perubahan semantik yang berkorelasi dengan pemahaman dan penerimaan takrifan kata peminjaman BA dalam BM. Prototaip ini sekali gus menyediakan ruang perbincangan lanjut, iaitu kesahannya apabila data yang lebih banyak diuji pada masa depan. Terakhir,

prototaip ini juga besar kemungkinannya tidak terhad kegunaannya hanya untuk peminjaman kata BA dalam BM.

PENGHARGAAN

Projek ini telah dibiayai oleh Kementerian Pendidikan Tinggi melalui Fundamental Research Grant Scheme (DP KPT FRGS/1/2021/SSI0/UM/02/11 bertajuk Pengklasifikasian Domain Semantik Kosa Kata Pinjaman Bahasa Arab dan Korelasinya dengan Kod Jawi).

RUJUKAN

- Abas, N. A., Abusahyon, A. S. E., & Sahad, M. N. (2019, July 29-30). *Semantically divergent meaning of Arabic loanwords in the Malay language*. [Paper presentation]. The 5th International Conference on Linguistics, Literature and Culture (ICLLIC 2019), Penang, Malaysia.
- Abas, N. A., Sahad, M. N., & Abusahyon, A. S. E. (2021). Distorted and limiting semantically divergent translated meaning of Arabic loanwords in the Malay language as educational instrument. *Arab World English Journal for Translation & Literary Studies*, 5(4) 109-139. <https://doi.org/10.24093/awejtls/vol5no4.9>
- Abdullah, I., Ahmad, Z., Abdullah, I. H., Ahmad, Z., & Hassan, A. T. (2011, March 30-31). *Perantaraan bangsa Arab ke alam Melayu: Kesannya terhadap percambahan kata pinjaman Arab-Melayu*. [Paper presentation]. International Seminar on Merantau: Imagining Migration in the Malay World, Frankfurt, Germany.
- Ahmad, Z. A., & Omar, A. (2002). *Ilmu mengarang Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Almarwaey, A. O., & Ahmad, U. K. (2021). Semantic change of hijab, halal and Islamist from Arabic to English. *3L: Language, Linguistics, Literature® The Southeast Asian Journal of English Language Studies*, 27(2), 161-176. <http://doi.org/10.17576/3L-2021-2702-12>
- Anwar, F. (2017). Semantic change in language borrowing: The case of Arabic borrowed words in Urdu. *Language in India*, 17(2), 108-124.
- Artis, A., Bartel-Radic, A., & Haidar, H. (2019). Quantifying qualitative case study research with QCA: Implications and process of the method from the example of a study on inter-organizational collaboration. In A. Bartel-Radic (Ed.) *Innovative and alternative research methods in economics and business administration* (pp. 28-45). EIKV.
- Beg, M. A. J. (1979). *Arabic loan-words in Malay: A comparative study* (2nd ed.). University of Malaya Press.
- Brown, K., & Miller, J. (2013). *The Cambridge dictionary of linguistics*. Cambridge University Press.
- Crawford, C. (2009). *Adaptation and transmission in Japanese loanword phonology*. Cornell University.
- Crystal, D. (1987). *The Cambridge encyclopaedia of language*. Cambridge University Press.
- Crystal, D. (2008). *A dictionary of linguistic and phonetic* (6th ed.). Blackwell Publishing.
- Danzaki, M. A. (2015). Semantic change in Arabic loanwords in Hasua. *E-Journal of Arabic Studies & Islamic Civilization*, 2, 126-136.
- Dewan Bahasa dan Pustaka (2015). *Kamus dewan edisi keempat*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Dewan Bahasa dan Pustaka (2021). *Kamus dewan perdana*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Fromkin, V., Rodman, R., & Hyams, N. (2011). *An introduction to language* (9th ed.). Wadsworth Cengage Learning.
- Harley, H. (2006). *English words: A linguistics introduction*. Blackwell.

- Hasan, M. (2015). Semantic change of words entered into another language through the process of language borrowing: A case study of Arabic words in Bengali. *PEOPLE:International Journal of Social Sciences*, 1(1), 1375-1390. <http://doi.org/10.20319/pijss.2015.s21.13751390>
- Haspelmath, M. (2009). Lexical borrowing: Concepts and issues. In M. Haspelmath & U. Tadmor (Eds.) *Loanwords in the world's languages: A comparative handbook* (pp.35-54). Mouton De Gruyter.
- Hassan, S. (2016). Islamic religious terms in English-translation vs. Transliteration in Ezzeddin Ibrahim and Denys Johnson-Davies' translation of An-Nawawi's Forty Hadiths. *Translation & Intepreting*, 8(1), 117-132 <http://dx.doi.org/10.12807/ti.108201.2016.a08>
- Hidayati, A., & Prindyatno, A. A. (2023). Perubahan makna kata serapan bahasa Arab dalam bahasa Indonesia (Kajian ilmu semantik). *AliF: Arabic Language in Focus*, 1(1), 6-11.
- Hoffer, B. L. (2002). Language borrowing and language diffusion: An overview. *Intercultural Communication Studies*, 11(4), 1-37.
- Ilmiatun, N. J. (2022). Perkembangan makna bahasa Arab. *Diwan: Jurnal Bahasa dan Sastra Arab*, 14(2), 133-143.
- Jalaluddin, N. H., Sarudin, A., & Ahmad, Z. (2012). Peluasan makna alim: Analisis semantik kognitif. *GEMA Online™ Journal of Language Studies*, 12(2), 457-473.
- Jones, R. (2008). *Loan words in Indonesian and Malay*. KITLV Press.
- Julul, A. A. H., Rahmawati, N. M., Sartini, N. W., & Kwary, D. A. (2019). Semantic adaptations of the Arabic loanwords in the Indonesian language. *Mozaik Humaniora*, 19(2), 135-147.
- Jumingan, M. F. (2005, June 6-7). *Kata pinjaman Arab dalam Kamus Dewan Edisi Ketiga: Satu analisis semantik*. [Paper presentation]. Persidangan Antarabangsa Leksikologi dan Leksikografi Melayu, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Jumingan, M. F. (2011). Ketepatan makna kata pinjaman Arab dalam Kamus Dewan. In M. A. Othman & H. N. Bakar (Eds.) *Prosiding kongres antarabangsa bahasa dan budaya* (Jilid II: pp.78-89). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jumingan, M. F., & Hasbullah, M. (2002). Kata serapan Arab dalam bahasa Melayu: Analisis semantik. In A. M. Musanif, R@S. Isin & H. Hassan (Eds.) *Monograf bahasa, sastera dan budaya melayu* (pp.165-176). Jabatan Bahasa Melayu, FBMK Universiti Putra Malaysia.
- Khrisat, A. A., & Mohamed, M. S. (2014). Language's borrowings: The role of the borrowed and Arabized words in enriching Arabic language. *American Journal of Humanities and Social Sciences*, 2(2), 133-142. <https://doi.org/10.11634/232907811402533>
- Legewie, N. (2013). An introduction to applied data analysis with qualitative comparative analysis. *Forum: Qualitative Social Research*, 14(3), 1-45. <https://doi.org/10.17169/fqs-14.3.1961>
- Liddicoat, A. J. (2009). Communication as culturally contexted practice: A view from intercultural communication. *Australian Journal of Linguistics*, 29(1), 115-133. <https://doi.org/10.1080/07268600802516400>
- Maiza, Z. (2017). Kata pinjaman bahasa Arab dalam bahasa Minangkabau. *FUADUNA: Jurnal Kajian Keagamaan dan Kemasyarakatan*, 1(2), 208-236. <http://dx.doi.org/10.30983/fuaduna.v1i2.428>
- Majma' al-Lughah al-'Arabīyah. (2011). *Al-Mu'jam Al-Wasīl*. Maktabah al-Shuruq al-Duwalīyya.
- Mansor, I. (2002). *Kata pinjaman bahasa Melayu daripada bahasa Arab (A-M): Kajian bandingan dari aspek penggunaan berdasarkan Kamus Dewan dan al-Mu'jam al-Wasit* [Unpublished master's thesis]. Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Mansor, W. M. S. A. W (2010). *Entri agama berlabel "Ar" dalam Kamus Dewan: Satu analisis semantik* [Unpublished master's thesis]. Universiti Malaya.
- Millar, R. M. (2015). *Trask's historical linguistics* (3rd ed.). Routledge.
- Mohana, D. R. (2012). *Loanword phonology: Adaptation of Arabic loan nouns into Malay*. University of Malaya.
- Musling, M. N. (2021). The semantic change in Arabic loan words in Malay language: Types and reasons. *AL- 'ABQARI, Journal of Islamic Social Sciences and Humanities*, 25(1), 244-263. <https://doi.org/10.33102/abqari.vol24no2.306>
- Noor, A. M. (2011). Perkembangan persejarahann Islam di alam Melayu. *Jurnal al-Tamaddun*, 6(1), 29-50.
- Puspita, D., & Yusuf, K. (2020). Sketching the semantic change of Jahanam and Hijrah: A corpus based approach to manuscripts of Arabic-Indonesian Lexicon. *Arabi: Journal of Arabic Studies*, 5(1), 1-10. <http://dx.doi.org/10.24865/ajjas.v5i1.246>
- Rihoux, B. (2006). Qualitative comparative analysis (QCA) and related systematic comparative methods recent advances and remaining challenges for social science research. *International Sociology*, 21(5), 679–706. <https://doi.org/10.1177/02685809060607>
- Sarudin, A. (2019). Semantik dan data korpus: Kajian polisemi kata serapan bahasa Arab dalam korpus klasik. In N. S. Karim, N. Jamaludin & A. Sarudin (Eds.) *Data korpus dalam kajian linguistik* (pp.147-178). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Toklubok@Hajimaming, P., & Mezah, C. R. (2013, July 3-4). *Perubahan makna kata pinjaman Arab: Satu penelitian dalam Kamus Dewan*. [Paper presentation]. 4th International Conference of Foreign Languages, Melaka, Malaysia.
- Treffers-Daller, J. (2010) Borrowing. In M. Fried, J. O. Östman & J. Verschueren (Eds.) *Variation and change: Pragmatic perspectives* (pp.17-35). John Benjamins.
- Ukhrawiyah, F. (2019). Perubahan makna kosakata bahasa Arab yang diserap ke dalam bahasa Indonesia. *Al-Ma'rifah: Journal of Arabic Culture, Language and Literature*, 16(2), 132-139. <https://doi.org/10.21009/almakrifah.16.02.03>
- UNESCO. (2012). *World Arabic language day*. UNESCO
- Versteegh, K. (2001). Linguistic contacts between Arabic and other languages. *Arabica*, 48(4), 470-508.
- Vervaet, R. (2017). *English loanwords in the Chinese lexicon* [Unpublished master's thesis]. Universiteit Gent.
- Watson-Andaya, B., & Andaya, L. Y. (1982). *A history of Malaysia*. Palgrave Publisher.
- Wilkinson, R. J. (1959). *A Malay-English dictionary*. Macmillan & Co LTD.
- Windstedt, R. O. (1960). *Kamus bahasa Melayu*. Maricon & Sons.
- Yusoff, M. A. (2006). Perkataan Arab dalam bahasa Melayu: Satu tinjauan dari aspek Semantik. *Jurnal Usuluddin*, 23, 239-254.
- Zahid, I. (2021). *Makna: Konsep dan komunikasi*. Penerbit Universiti Malaya.
- Zaidan, N. A., Zailaini, M. A., & Ismail, W. M. (2015). Absorption of Arabic words in Malay language. *OIDA International Journal of Sustainable Development*, 8(3), 51-57.

LAMPIRAN 1

Pola 1

Takrifan umum:

makna bahasa sumber + makna spesifik

Bil.	Entri	Makna Bahasa Arab (Bahasa Sumber) Mu'jam al-Wasit (MW)	Makna Bahasa Melayu (Bahasa Penerima) Kamus Dewan Perdana (KDP)
1	abadi الأبدى	Tidak ada pengakhiran baginya.	<p>1 (bkn Allah) sentiasa wujud, iaitu tidak bermula dan tidak berakhir.</p> <p>2 (bkn kenangan dsb) sentiasa dlm ingatan, hati dsb.</p> <p>3 (bkn kasih, perasaan dsb) sentiasa ada dan berterusan utk selama-lamanya.</p> <p>4 (bkn alam, kehidupan dll) berkaitan dgn hal selepas mati.</p> <p>5 (bkn jisim, tenaga dsb) tidak dapat dimusnahkan.</p> <p>6 (bkn kebenaran, ikatan dsb) kekal atau tidak berubah.</p>
2	adat العادة	<p>1 Perkara yg menjadi rutin/kebiasaan di dlm hidup tanpa usaha.</p> <p>2 Keadaan yg berulang-ulang mengikut suatu cara spt pusingan haid seorang wanita.</p>	<p>1 peraturan yg lazim diamalkan turun-temurun dlm sst masyarakat, termasuklah cara hidup, pergaulan dsb.</p> <p>2 tatacara yg khusus dalam melaksanakan sst upacara yg berkaitan dgn budaya, mis perkahwinan dan kelahiran.</p> <p>3 kebiasaan aturan atau sifat sst.</p>
3	akhir الأخير	Dia adalah orang yg terakhir saya temui, dia adalah orang yg terakhir datang: paling akhir antara semua.	<p>1 kemudian sekali atau paling belakang, hujung dsb.</p> <p>2 penamat atau penghabisan sst cerita, ucapan dll.</p> <p>3 bahagian hujung atau tempoh sebelum berakhirnya sst musim, bulan, tahun dsb.</p>
4	asli الأصلى	Sesuatu yg ada asal dari segi maknanya. Berlawanan dgn cabang, tambahan (lebih), rizab, tiruan.	<p>1 (bkn sst) tulen, bukan tiruan atau tidak bercampur dgn bahan lain.</p> <p>2 (bkn sso atau sst) mula-mula, ada asal atau keturunan sebelumnya di sst tempat, daerah, negeri dsb.</p> <p>3 (bkn sst) semula jadi yg diciptakan oleh Tuhan atau yg tidak dihasilkan oleh manusia.</p> <p>4 (bkn hasil karya, buku dsb) dicipta sendiri oleh sso, bukan yg diterjemah, disalin, ditiru dsb drp yg lain.</p> <p>5 (bkn idea, pemikiran dsb) tulus dan baharu, yg lahir drp diri sendiri.</p> <p>6 (bkn sso) berasal atau drp keturunan orang baik-baik.</p> <p>7 <i>Id</i> (bkn dokumen) asal atau bukan salinan.</p>
5	awal الأول	Yg pertama/ yg terdahulu, berlawanan dgn yg terakhir.	<p>1 sebelum waktu yg dijangkakan atau ditetapkan.</p> <p>2 (datang, tiba dsb) sebelum waktu yg dijangkakan atau ditetapkan.</p> <p>3 permulaan sst jangka waktu.</p> <p>4 pertama atau mula-mula.</p>

6	azab العَذَابُ	Seksaan, balasan, kesusahan, kesengsaraan. Setiap apa yg dapat menyakitkan manusia. al-Hadis: perjalanan itu sebahagian drp seksa.	1 seksaan yg dideritai atau yg ditanggung dan merupakan suatu hukuman. 2 derita atau kesusahan yg dialami atau ditanggung oleh sso dlm hidup. 3 sangat susah atau derita.
7	azan الْأَذَانُ	Seruan solat.	1 ayat-ayat khusus yg dilaungkan di masjid, surau, radio dan televisyen utk menyeru umat Islam menunaikan solat fardu, atau yg dibacakan di telinga bayi yg baru lahir; bang. 2 berazan; bang.
8	batil ² الْبَاطِلُ	Perkara yg batal, tidak benar. (Istilah Fuqaha’): Perkara yg tidak sah pada asalnya. Berlawanan dgn al-Fasid (perkara yg sah pd asalnya tetapi tidak menepati sebahagian syarat).	1 (bkn kepercayaan, tulisan dsb) tidak benar atau menyeleweng dr segi hukum, peraturan atau fakta. 2 (bkn amalan, perbuatan, perkara dsb) tiada faedah dan sia-sia. 3 (bkn ibadah, amalan dsb) rosak atau tidak sah; batal.
9	berkat الْبَرَكَاتُ	1 Maju dan bertambah. 2 Kebahagiaan.	1 kurnia atau rahmat Allah yg membawa kebaikan dan kesejahteraan kpd manusia. 2 hasil, manfaat atau kesejahteraan yg diperoleh dr kebaikan yg dilakukan. 3 restu drp orang yg baik atau dihormati. 4 banyak membawa kebaikan atau manfaat kpd manusia.
10	bidaah الْبِدْعَةُ	Sesuatu yg diada-adakan dlm agama atau hal-hal lain.	1 setiap perkara baharu dlm agama yg tidak bersandar kpd nas, ijmak dan qias, ada yg diterima dan ada yg menyalahi syariat; bidaah dalalah. 2 suka menipu atau berbohong.

Pola 2

Takrifan umum:

makna bahasa sumber + makna spesifik + makna tambahan

Bil.	Entri	Makna Bahasa Arab (Bahasa Sumber) Mu'jam al-Wasit (MW)	Makna Bahasa Melayu (Bahasa Penerima) Kamus Dewan Perdana (KDP)
1	akrab الْقَرِيبُ	Dekat dr segi tempat, masa atau keturunan. Spt yg diturunkan dlm ayat suci al-Quran: “Sesungguhnya rahmat Allah itu dekat kpd orang-orang yg memperbaiki amalannya.”	1 rapat dan mesra dlm hubungan sesama keluarga, sahabat dsb. 2 taat dan ingat kpd Allah dgn banyak atau sering melakukan ibadah. 3 (bkn sst) dekat dgn sso krn sering digunakan atau telah menjadi sebahagian drp budaya, agama dsb. 4 (bkn sso) suka atau cenderung melakukan sst.

2	awam عوام kata jamak daripada العامة	Orang awam: berlawanan dgn orang khas/ khusus.	<p>1 melibatkan orang ramai sbg suatu keseluruhan.</p> <p>2 (bkn kemudahan, infrastruktur, perancangan dsb) tidak terkhusus utk golongan tertentu.</p> <p>3 (bkn institusi, organisasi dsb) bukan swasta, dimiliki kerajaan.</p> <p>4 (bkn golongan rakyat) bukan tentera atau polis.</p> <p>5 bukan kakitangan kerajaan sepenuhnya dan bukan kakitangan swasta.</p>
---	---	---	---

Pola 3

Takrifan umum:

makna bahasa sumber + makna spesifik + makna tambahan + makna bahasa basahan

Bil.	Entri	Makna Bahasa Arab (Bahasa Sumber) Mu'jam al-Wasit (MW)	Makna Bahasa Melayu (Bahasa Penerima) Kamus Dewan Perdana (KDP)
1	alim العلم	mempunyai banyak ilmu.	<p>1 patuh menunaikan suruhan dan menjauhi larangan agama serta kuat beribadat.</p> <p>2 mempunyai pengetahuan agama yg mendalam di samping memiliki sifat warak, zuhud dan takwa.</p> <p>3 <i>bb</i> sangat baik sifat dan akhlaknya.</p>

Pola 4

Takrifan umum:

makna bahasa sumber + makna spesifik + makna tambahan + makna kata arkaik

Bil.	Entri	Makna Bahasa Arab (Bahasa Sumber) Mu'jam al-Wasit (MW)	Makna Bahasa Melayu (Bahasa Penerima) Kamus Dewan Perdana (KDP)
1	amanah الأمانة	<p>1 Kejujuran.</p> <p>2 Titipan (sesuatu yg diamanahkan utk disimpan/dijaga).</p>	<p>1 dapat dipercayai, bertanggungjawab dan jujur dlm menjaga atau melaksanakan sst yg diserahkan atau ditugaskan kepadanya.</p> <p>2 jujur dan menjaga atau melaksanakan sst yg ditugaskan kepadanya, yg merupakan sifat yg wajib ada pd nabi dan rasul.</p> <p>3 sso atau sst yg diserahkan dgn penuh keyakinan kpd orang yg dipercayai supaya disimpan, dijaga dll dgn baik.</p> <p>4 tugas atau tanggungjawab yg dipercayakan kpd sso supaya dilaksanakan dgn baik dan jujur.</p> <p>5 kepercayaan yg diberikan kpd sso utk melaksanakan sst tugas atau tanggungjawab.</p> <p>6 keadaan aman atau tenteram.</p> <p>7 <i>ark</i> amanat.</p>

Pola 5

Takrifan spesifik:
makna bahasa sumber

Bil.	Entri	Makna Bahasa Arab (Bahasa Sumber) Mu'jam al-Wasit (MW)	Makna Bahasa Melayu (Bahasa Penerima) Kamus Dewan Perdana (KDP)
1	alkohol الْكُوْلُ	<p>1 Cecair tidak berwarna yg mempunyai bau yg sangat kuat, dihasilkan drp penapaian gula dan kanji.</p> <p>2 Pati arak seperti mana yg dimasukkan dlm pembuatan minyak wangi.</p> <p>(penimbang alkohol): alat yg menentukan kadar kumulatif alkohol di dlm air.</p>	<p>1 <i>Kim</i> cecair tanpa warna dan boleh terbakar yg dihasilkan drp penapaian karbohidrat atau drp petroleum. Cecair ini digunakan dlm minuman, sbg pelarut dlm minyak wangi dsb; etanol; etil alkohol.</p> <p>2 minuman beretanol yg boleh memabukkan yg dihasilkan melalui proses penapaian buah-buahan atau bijirin, spt anggur dan barli.</p> <p>3 <i>Kim</i> kumpulan sebatian organik alifatik yg mempunyai kumpulan berfungsi hidroksil, mis metanol dan etanol. Formula am: $C_nH_{2n+1}OH$ dgn n tidak bernilai sifar.</p>

Pola 6

Takrifan spesifik:
makna bahasa sumber + makna tambahan

Bil.	Entri	Makna Bahasa Arab (Bahasa Sumber) Mu'jam al-Wasit (MW)	Makna Bahasa Melayu (Bahasa Penerima) Kamus Dewan Perdana (KDP)
1	afdal أَفْضَلُ	<p>1 Lebih baik buatnya. Lebih baik daripadanya.</p> <p>2 Afdal padanya dari segi martabat dan kemuliaan: memiliki kelebihan pada kedua perkara tersebut.</p>	<p>1 (bkn ibadah, pekerjaan dll) paling atau lebih utama atau baik.</p> <p>2 (bkn orang) mulia, utama serta tinggi darjatnya.</p> <p>3 sempurna atau lengkap.</p>
2	akhbar أَخْبَارُ kata jamak daripada الْخَبْرُ	<p>1 Kata-kata yg dipindahkan melalui percakapan atau penulisan.</p> <p>2 Kata-kata yg membawa kpd kebenaran atau pendustaan.</p>	<p>1 surat khabar.</p> <p>2 syarikat yg menerbitkan surat khabar.</p> <p>3 berita atau warta.</p>
3	alam ¹ الْعَالَمُ	<p>1 Seluruh ciptaan.</p> <p>2 Segala sesuatu yg mengandungi pengetahuan ahli astronomi.</p> <p>3 Semua jenis ciptaan makhluk spt alam haiwan dan tumbuh-tumbuhan.</p>	<p>1 segala yg ada di langit dan di bumi.</p> <p>2 ruang lingkup bidang pengetahuan, aktiviti dll.</p> <p>3 proses tertentu yg ditempuhi oleh sso dlm hidup.</p> <p>4 dunia yg terdiri drp manusia dan kehidupannya.</p> <p>5 kumpulan benda hidup yg termasuk dlm satu lingkungan dan dianggap sbg satu kesatuan.</p> <p>6 lingkungan kehidupan roh.</p> <p>7 kerajaan atau negeri.</p> <p>8 segala daya, kekuatan dsb yg di luar kuasa manusia.</p>

4	amal العَمَل	<p>1 Pekerjaan atau perbuatan.</p> <p>2 (bidang kuasa/kerja): kampung itu di bawah pentadbiran daerah itu.</p> <p>3 (ekonomi): kerja yg dilakukan oleh manusia bagi memperoleh hasil atau manfaat.</p>	<p>1 apa-apa perbuatan atau pekerjaan yg sering dilakukan oleh sso.</p> <p>2 sst yg dilakukan utk maksud berbuat kebajikan atau yg mendatangkan faedah kpd orang lain.</p> <p>3 perbuatan yg baik dan yg mendatangkan pahala.</p>
5	asal أَصْل	<p>1 Tapak, batu asas.</p> <p>2 Asal dr mana ia bertunas.</p> <p>3 Keturunan bangsawan.</p> <p>4 Apa yg sudah tertulis, dlm naskhah asal yang dipegang. Naskhah asal buku.</p>	<p>1 (bkn sso atau sst) awal-awal, mula-mula atau sebelum ini.</p> <p>2 (bkn album, lirik, filem dsb) dicipta sendiri, bukan diciplak atau disalin drp yg lain; asli.</p> <p>3 (bkn dokumen, borang dsb) bukan difotokopi, disalin, ditaip semula dsb.</p> <p>4 (bkn orang, penduduk dsb) sejak mula dilahirkan, dibesarkan dsb di sst tempat.</p> <p>5 (bkn wilayah, negara dsb) menjadi tempat sso dilahirkan dan dibesarkan.</p> <p>6 punca, permulaan atau sebab sst perkara berlaku.</p> <p>7 dgn syarat; asal sahaja; asal saja; asalkan; asal-asalkan.</p> <p>8 sebaik sahaja; asal sahaja; asal saja; asalkan; asal-asalkan.</p>
6	asas الأساس	<p>1 Kaedah binaan yg dapat mendirikan sesuatu. Asas binaan.</p> <p>2 Asal-usul setiap sesuatu perkara dan punca awalnya, antaranya asas berfikir; asas kajian.</p> <p>(Pengajian Asas): Pengalaman ilmiah dan amali yg sangat diperlukan utk generasi muda.</p> <p>(Undang-undang asas): Undang-undang yg berasaskan perlembagaan negara.</p>	<p>1 bahagian bawah yg utama bagi sesebuah bangunan, binaan dsb yg didirikan.</p> <p>2 dasar penting atau sandaran utama bagi sst pendapat, tindakan dll.</p> <p>3 bukti, fakta atau hujah yg ada bagi laporan, tuduhan dsb.</p> <p>4 (bkn tugas, bahan dll) perlu, patut atau tidak boleh tidak ada pd sso atau sst.</p> <p>5 (bkn latihan, kursus dsb) mudah, utama dan ringkas.</p>
7	asyik عَشِيقَة	<p>1 Mencintainya dgn cinta yg mendalam. Pencinta.</p> <p>2 Rapat dgn sesuatu dan melaziminya.</p>	<p>1 orang yg menumpukan renungan dan pandangan rohaniyah thp Allah SWT krn didorong oleh cinta dan kasih kepada-Nya.</p> <p>2 sangat leka akan sst sehingga terlupa atau tidak sedar akan hal-hal lain.</p> <p>3 berterusan atau sentiasa melakukan sst atau terjadinya sst.</p> <p>4 suka atau cinta yg amat sangat akan sso yg berlainan jantungina.</p>

Pola 7

Takrifan spesifik:

makna bahasa sumber + makna bahasa klasik

Bil.	Entri	Makna Bahasa Arab (Bahasa Sumber) Mu'jam al-Wasit (MW)	Makna Bahasa Melayu (Bahasa Penerima) Kamus Dewan Perdana (KDP)
1	ajaiab عجائب kata jamak daripada العجيب	Sesuatu perkara yg mendorong kpd kehairanan.	1 sangat menghairankan, mengagumkan dan luar biasa. 2 <i>kl</i> (bkn air, lampu dll) dianggap mempunyai kuasa sakti.

Pola 8

Takrifan spesifik:

makna bahasa sumber + makna tambahan + makna bahasa kiasan + makna bahasa klasik

Bil.	Entri	Makna Bahasa Arab (Bahasa Sumber) Mu'jam al-Wasit (MW)	Makna Bahasa Melayu (Bahasa Penerima) Kamus Dewan Perdana (KDP)
1	abdi العبد	1 Hamba. 2 Manusia yg bebas, hamba yg bebas krn hanya mengabdikan diri/ menyembah kpd Allah Yang Maha Agung.	1 orang yg dimiliki oleh sso lain yg menjadi tuannya dan terpaksa melakukan apa saja yg diperintahkan tanpa mempunyai kebebasan atau hak sendiri; hamba. 2 orang yg diperlakukan spt hamba. 3 hamba yg taat dan tawaduk kpd Allah dgn mengerjakan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. 4 <i>ki</i> negara, pertubuhan, sso dsb yg sentiasa mengikut kehendak pihak tertentu yg berkuasa. 5 <i>ki</i> orang yg hidupnya dikuasai atau dipengaruhi sepenuhnya oleh sst. 6 <i>kl</i> panggilan kpd diri sendiri utk merendah diri ketika bercakap dgn raja, mahaguru dsb.

Pola 9

Takrifan spesifik:

makna bahasa sumber + makna spesifik + makna tambahan

Bil.	Entri	Makna Bahasa Arab (Bahasa Sumber) Mu'jam al-Wasit (MW)	Makna Bahasa Melayu (Bahasa Penerima) Kamus Dewan Perdana (KDP)
1	adil العَدْل	1 Kesaksamaan, iaitu memberi seseorang apa yg berhak baginya dan mengambil apa yg bukan ke atasnya. 2 Yg adil, disebut juga utk seseorang dan selainnya. 3 Serupa/sepadan dan sama. 4 Balasan. 5 Tebusan. Spt yg diturunkan dlm ayat suci al-Quran: "Dan tidak akan diterima suatu tebusan daripadanya."	1 (bkn orang, tindakan, hukuman dsb) berpihak kpd yg benar dan yg berhak. 2 tidak memihak kpd mana-mana pihak atau tidak berat sebelah. 3 wajar atau berpatutan. 4 (bkn permainan, pertandingan dsb) dijalankan mengikut peraturan. 5 (bkn saksi) tidak fasiq, bertaqwa dan sentiasa menjaga akhlak.

2	binti ¹ البنيت	Anak perempuan.	<p>1 anak perempuan kpd, biasanya digunakan bagi perempuan beragama Islam, yg diletakkan di antara nama sso perempuan dgn nama bapanya.</p> <p>2 anak kpd, digunakan apb menyebut nama jenazah semasa pembacaan talkin, yg diletakkan di antara nama jenazah tsb dgn nama ibunya.</p> <p>3 nama bapa.</p>
---	------------------------------	-----------------	--

Pola 10

Takrifan spesifik:

makna bahasa sumber + makna spesifik + makna bahasa basahan

Bil.	Entri	Makna Bahasa Arab (Bahasa Sumber) Mu'jam al-Wasit (MW)	Makna Bahasa Melayu (Bahasa Penerima) Kamus Dewan Perdana (KDP)
1	bin ¹ الابن	Anak lelaki.	<p>1 anak lelaki kpd, biasanya digunakan utk keterangan nama orang lelaki beragama Islam atau berbangsa Arab, diletakkan di antara nama sso lelaki dgn nama bapanya.</p> <p>2 <i>bb</i> nama bapa.</p> <p>3 <i>bb</i> menyatakan maksud amat sangat, biasanya dipakai pd perkataan-perkataan yg lebih kurang sama ertinya.</p>

Pola 11

Takrifan spesifik:

+/- makna bahasa sumber

Bil.	Entri	Makna Bahasa Arab (Bahasa Sumber) Mu'jam al-Wasit (MW)	Makna Bahasa Melayu (Bahasa Penerima) Kamus Dewan Perdana (KDP)
1	alat ¹ الألة	<p>1 Alat Muzik.</p> <p>2 Tiang khemah.</p> <p>3 Keadaan/situasi.</p> <p>4 Keamatan.</p> <p>5 Alat pengusung mayat.</p> <p>6 Peralatan kerja ringan.</p> <p>7 Peralatan silap mata.</p> <p>(bidang mekanikal): Peralatan yg berfungsi utk mengubah pelbagai tenaga kinetik/dinamik spt suhu, wap, elektrik kpd mesin spt alat yg menggerakkan kapal, mesin tunda, alat mengawal tuil dan lain-lain.</p> <p>Semua alat dinisbahkan kpd tenaga yg menggerakannya spt mesin wap, mesin elektrik.</p> <p>(alat penggera): Peranti hon kereta bagi memberi amaran kpd pejalan kaki dan orang yg sedang leka.</p>	<p>1 benda yg digunakan utk membuat sst kerja atau aktiviti.</p> <p>2 sso atau sst yg dipergunakan bagi mencapai tujuan tertentu</p> <p>3 bahagian tubuh atau organ manusia atau binatang yg menjalankan tugas-tugas tertentu.</p> <p>4 sst yg menyebabkan berlakunya sst proses atau kejadian.</p>

Pola 12

Takrifan spesifik:

+/- makna bahasa sumber + makna spesifik

Bil.	Entri	Makna Bahasa Arab (Bahasa Sumber) Mu'jam al-Wasit (MW)	Makna Bahasa Melayu (Bahasa Penerima) Kamus Dewan Perdana (KDP)
1	balsam البَسْمُ	<p>1 Ekstrak getah resin yg terbentuk drp pokok yg tumbuh di negara panas dan digunakan dlm perubatan.</p> <p>2 Genus pokok di mana getah akan mengalir apabila ditoreh.</p>	<p>1 bahan resin yg diperoleh drp tumbuhan dan digunakan sbg bahan asas ubat dan minyak wangi.</p> <p>2 ubat sapu yg biasanya lekit, berbau wangi dan berangin, digunakan utk melegakan gatal-gatal, sakit otot dll; bam.</p>

Pola 13

Takrifan spesifik:

+/- makna bahasa sumber + makna spesifik + makna tambahan

Bil.	Entri	Makna Bahasa Arab (Bahasa Sumber) Mu'jam al-Wasit (MW)	Makna Bahasa Melayu (Bahasa Penerima) Kamus Dewan Perdana (KDP)
1	arif العَرِيفُ	<p>1 Yg mengetahui segala sesuatu perkara.</p> <p>2 Seseorang yg bertanggungjawab atas urusan kaum dan merupakan pemimpin/ketua mereka.</p>	<p>1 memahami sst dgn mendalam dan luas pengetahuannya.</p> <p>2 berasaskan pemikiran yg mendalam atau bijaksana.</p> <p>3 orang yg dikatakan mendapat makrifat drp Allah dlm ajaran tarekat.</p>
2	badan الْبَدْنُ	<p>1 selain kepala dan hujung badan.</p> <p>2 Perisai yg pendek.</p> <p>3 Bahagian hadapan dan belakang pakaian, tidak termasuk dua sisi dan dua lengan.</p>	<p>1 semua bahagian tubuh manusia atau haiwan yg dapat dilihat.</p> <p>2 bahagian tubuh manusia atau haiwan, tidak termasuk kepala, kaki, tangan ataupun ekor.</p> <p>3 bahagian utama drp sst benda, mis pakaian dan kenderaan.</p> <p>4 kumpulan manusia yg merupakan satu kesatuan dan bertanggungjawab thp sst usaha.</p> <p>5 organisasi yg bertanggungjawab thp sst tujuan tertentu.</p> <p>6 bahagian utama surat, ucapan, buku dll, tidak termasuk pendahuluan, kesimpulan atau lampiran; isi.</p> <p>7 diri sendiri.</p>

Pola 14

Takrifan spesifik:

+/- makna bahasa sumber + makna spesifik + makna bahasa klasik

Bil.	Entri	Makna Bahasa Arab (Bahasa Sumber) Mu'jam al-Wasit (MW)	Makna Bahasa Melayu (Bahasa Penerima) Kamus Dewan Perdana (KDP)
1	aman أَمِنَ	<p>1 menjadi aman/tenteram.</p>	<p>1 (bkn negara, kawasan, tempat dsb) bebas drp kekacauan, peperangan, pergaduhan, permusuhan dsb.</p>

<p>2 percaya, mempercayai. Spt yg diturunkan dlm ayat suci al-Quran: “sudah tentu ayah tidak akan percaya kepada kata-kata kami ini”.</p>	<p>2 (bkn cara, kaedah dsb) bebas drp pergaduhan, huru-hara, keganasan dsb utk mencapai keputusan atau menyelesaikan masalah.</p>
<p>3 membuatnya tenteram/ tenang.</p>	<p>3 (bkn rakyat, keluarga dsb) dlm keadaan bersatu padu tanpa berasa khuatir atau takut serta bebas drp ancaman atau persengketaan.</p>
	<p>4 (bkn suasana, fikiran dll) tenang, tiada kusut atau tidak kelam-kabut.</p>
	<p>5 <i>kl</i> keadaan tenang dan menyenangkan.</p>
	<p>6 <i>kl</i> keadaan bebas drp peperangan atau kacau-bilau.</p>
	<p>7 <i>kl</i> nasihat atau pesan yg baik.</p>
